


"DALAM arus perkembangan ekonomi dan industri pula, Universiti Brunei Darussalam juga wajar mengaktifkan dirinya melakukan penyelidikan-penyelidikan yang berhubung dengan pengusaha-pengusaha kecil dan sederhana, terutamanya yang berkaitan dengan minyak dan gas dan petrochemical." - Titah pada Majlis Konvoquesyen Ke-12 Universiti Brunei Darussalam pada 30 September 2000.

"DAN bagi tiap-tiap umat itu ada kiblat di hadapannya, maka berlumba-lumbalah kamu untuk mengerjakan kebaikan. Di mana sahaja kamu berada maka Allah tetap akan menghimpunkan kamu semua pada Hari Kiamat untuk menerima balasan. Sesungguhnya Allah Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu." - Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al Baqarah ayat 148.

# Pembangunan negara memerlukan belia berdisiplin

## Berangkat melancarkan BRIDEX 2013



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan berangkat menyaksikan Pameran Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas. (Lagi berita dan gambar-gambar dimuatkan ke muka 4 dan 5).

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman  
Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali,  
Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bertitah untuk pembangunan yang berjaya dan kewajipan pembangunan negara kita sangatlah memerlukan rakyat khususnya para belia yang berdisiplin.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah golongan belia tidak syak lagi akan menjadi pemimpin yang akan mencorakkan masa depan bangsa.

Kebawah DYMM bertitah demikian pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama di Padang Perbarisan Kem Latihan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

"Ke arah itu kita elok melihat kepada sebahagian negara di dunia sama ada di Eropah mahupun di Asia dan Asia Tenggara yang telah sedia mempunyai program kebeliaan mereka dalam bentuk khidmat bakti negara atau seumpamanya", titah baginda.

Menurut baginda, program berkenaan akan membawa mereka mencapai pertumbuhan ekonomi yang tinggi walaupun setengahnya itu tidak mempunyai sumber asli dan bahkan tergolong sebagai negara yang cuma mempunyai pendapatan per kapita yang rendah.

Kerana itulah baginda dengan tidak ragu-ragu telah memperkenankan supaya beberapa projek rintis PKBN diadakan yang pada peringkat awalnya diterajui oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

"Program ini mempunyai syllabus latihannya yang bercakap kebruneian berasaskan konsep Melayu Islam Beraja. Ia dipanggil dengan sebutan pendeknya 'PKBN'," titah baginda.

Program tersebut, titah baginda adalah dihasratkan akan menjadi sebagai sebuah Program Pembangunan Belia yang terulung, unik dan berkesan.

Pada titah tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia mengulangi penekanan baginda bahawa dalam melaksana program tersebut perlulah dipastikan kurikulumnya, infrastruktur, kesesuaian jurulatih dan penyelia serta peralatannya kerana semua itu titah baginda biarlah yang terbaik, sempurna dan terjamin selamat.

Baginda seterusnya berharap selama tempoh tiga bulan menjalani latihan secara intensif para pelatih program tersebut akan menjadi warga yang baik dan berhemah tinggi dan apabila pulang nanti ke pangkuan keluarga dan masyarakat, mereka akan mempamerkan sikap lebih matang untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.

## Keselamatan menjadi keutamaan ASEAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman,  
Saerah Haji Abdul Ghani

JERUDONG, Isnin, 2 Disember. - Keselamatan menjadi perkara utama dalam ASEAN, namun keluasan dan kerumitan cabaran keselamatan itu memerlukan penilaian dan strategi yang menyeluruh yang mana usaha-usaha yang dilakukan hendaklah bersangkut-paut antara satu sama lain.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersabda dalam hubungan tersebut, penubuhan Komuniti Keselamatan Politik ASEAN (APSC) menggariskan lebih lanjut mengenai nilai-nilai kesaksamaan ASEAN untuk hidup aman antara satu sama lain dan juga dunia melalui persekitaran yang harmoni dan demokratik.

Ke muka 7

## PKBN capai sasaran

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 2 Disember. - Menurut kaji selidik yang dibuat oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD) lebih daripada 80 peratus para ibu bapa dan juga bekas pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) telah melahirkan rasa puas hati mereka dengan hasil dari program tersebut.

Para ibu bapa pada khususnya ada yang menyatakan bahawa anak-anak mereka selepas tiga bulan mengikuti program tersebut telah banyak berubah seperti lebih hormat kepada orang tua dan lebih suka membantu orang lain.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengungkapkan perkara tersebut semasa bertitah pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan PKBN Pengambilan Pertama yang diadakan di Padang Perbarisan Kem Latihan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Ke muka 12 dan 13

## TABUNG KEMANUSIAAN BENCANA ALAM FILIPINA



11 November 2013 - 10 Februari 2014

MENDERMALAH kepada Tabung Kemanusiaan Bencana Alam Filipina (TKBAF) melalui tabung-tabung yang disediakan atau terus kepada Urusetia TKBAF, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Kebangsaan.

# Pendidikan ugama tunggak kecemerlangan

Assalamu'alaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh  
Bismillahir Rahmanir Raheem,  
Alhamdulillah Rabbil 'Aalameen,  
Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya  
Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa  
Asyrafil Mursaleen, Sayyidinaa  
Muhammadin Wa'ala 'Alihie  
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

**B**ETA bersyukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah izin-Nya jua, dapatlah Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) ini dilangsungkan.

Negara Brunei Darussalam sentiasa memerlukan tenaga guru ugama yang berwibawa lagi cekal, yang mampu membentuk syakhsiah murid-murid. Pembentukan itu seharusnya bermula dari awal perkembangan kanak-kanak lagi, seperti kata pepatah : 'Melentur Buluh Biar Dari Rebungnya', supaya natijahnya akan melahirkan anggota masyarakat yang kebal dari segala pengaruh negatif seperti jenayah dan gejala sosial serta juga fahaman-fahaman menyelerang yang mengancam umat dan negara. Dengan adanya anggota masyarakat sedemikian, beta yakin, hasrat kita untuk melihat negara ini benar-benar menjadi *Baldatun Tayyibatun Warabbun Ghafur* akan tercapai.

Beta benar-benar berharap, KUPU SB bukan sahaja dapat menghasilkan tenaga-tenaga guru yang baik, malah modal insan yang sarat dengan ilmu ugama, serta mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan. Kerana itu KUPU SB perlu mempunyai *metode* pengajaran yang berkesan. Ke arah ini, KUPU SB perlulah membina satu kaedah latihan keguruan yang mantap dan komprehensif.

Beta gembira difahamkan, bahawa Tulisan Jawi dan kitab-kitab Turath Islam telah dikembangkan dengan baiknya di KUPU SB. Di samping ia ditawarkan dalam program-program akademik di KUPU SB, ia juga turut ditawarkan sebagai program pengajian khas bagi orang awam. Program ini dikenali sebagai program 'Pengajian Kitab Turath Islam Dalam Bahasa Melayu'.

Beta berpendapat tulisan Jawi dan pengajian kitab Turath ini adalah perlu dipertahankan, bahkan mustahak untuk diperkasakan, kerana jawi adalah merupakan identiti bangsa kita. Sementara pengajian kitab Turath pula adalah merupakan warisan ilmu Islam yang sangat berharga.

Ke arah itu, sesuai dengan keunikan KUPU SB sebagai peneraju pendidikan Islam, maka beta melihat KUPU SB adalah institusi yang paling sesuai untuk menawarkan



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Konvokesyen Ketiga Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan Negara Brunei Darussalam 1435 H / 2013 M, pada hari Sabtu, 26 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 30 November 2013 Masihi, bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, Negara Brunei Darussalam.

atau mengendalikan program-program akademik di bidang tulisan Jawi dan kitab Turath, sebagai sifatnya tunggak kecemerlangan Islam di negara ini.

Menyentuh mengenai isu akidah yang melanda dunia Islam pada hari ini, beta berharap pihak-pihak yang berkenaan tidaklah akan memandang ringan isu tersebut. Kerana ia boleh menyoatkan dan malah turut melibatkan keselamatan negara dan keharmonian beragama yang kita nikmati selama ini. Di sinilah kepentingan pengukuhan akidah itu. Dengan pengukuhan itu akan memperkuatkan lagi aliran Ahli Sunnah Waljamaah yang telah sebatu dengan kita.

Beta merasa optimis, bahawa Pusat Pengkajian Kefahaman Ahli Sunnah Waljamaah KUPU SB, yang telah ditubuhkan dua tahun sudah, akan lebih bererti lagi jika ia terus konsisten dengan pelbagai aktiviti ilmiahnya untuk membantu agensi-agensi kerajaan yang berkenaan pada mendalami lagi ajaran Ahli Sunnah Waljamaah. Pusat ini beta yakin, boleh bergerak lebih ke hadapan lagi.

Namun, setakat usaha pemantapan dan pengembangan sahaja belumlah cukup tanpa penguatkuasaan sepenuhnya undang-undang yang sedia ada. Oleh itu, komitmen dan

kerjasama semua pihak dalam menangani sebarang isu penyelewengan atau kemasukan fahaman-fahaman yang tidak *sebulu* dengan kita, adalah sangat-sangat diperlukan.

Untuk akhirnya, beta ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan selamat maju jaya kepada semua para graduan yang menerima ijazah dan diploma mereka pada hari ini. Beta berharap, para graduan akan dapat menyumbangkan ilmu mereka kepada pembangunan pendidikan ugama di negara ini, dan juga kepada pembangunan umat secara amnya.

Demikian juga beta ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada pihak-pihak yang berkenaan di Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan; khususnya kepada Pengerusi dan Ahli-Ahli Majlis Kolej Universiti, Ra'es, pegawai-pegawai utama staf akademik, pegawai tadbir dan seluruh kakitangan Kolej Universiti, di atas segala sumbangan dan khidmat bakti mereka.

Mudah-mudahan Allah Subhanahu Wata'ala jua yang akan melimpahkan rahmat, petunjuk dan perlindungan-Nya kepada Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan.

Sekian. Wabillahit Taufeq Walhidayah Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Dari Sidang  
Pengarang.

4 DISEMBER 2013 BERSAMAAN 1435 هـ 1

## 'PKBN' PROGRAM PEMBANGUNAN BELIA TERULUNG, UNIK DAN BERKESAN

**H**ASRAT Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, untuk mewujudkan satu Program Khidmat Bakti Negara yang terbaik telah mencapai sasarannya setelah 125 belia lelaki dan perempuan Pengambilan Pertama Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) menamatkan latihan mereka pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan di Padang Perbarisan Kem Latihan Perkampungan Sukan Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah Berakas, Isnin lepas.

Program itu pada mulanya diadakan sebagai projek rintis ke arah melaksana Program Khidmat Bakti Negara atau PKBN pada bulan Disember 2011 dan seterusnya dua lagi projek rintis yang berjaya dilaksanakan dengan selamat, sempurna dan berjaya pada tahun 2012. Ianya adalah satu program pembentukan jati diri melalui beberapa proses pendidikan, pembinaan jati diri dan latihan disiplin dan fizikal dengan berpandukan dan berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja. Kejayaan pelaksanaan itu adalah hasil daripada kerjasama yang erat dan sokongan padu daripada pihak kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan termasuk Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Penjara, Pasukan Bomba dan Penyelamat dan juga pihak swasta yang sama-sama memikul tanggungjawab ke arah mewujudkan PKBN yang sempurna dan terbaik yang menitikberatkan kepada aspek-aspek keselamatan dan kesejahteraan pelatih-pelatih, di samping dengan adanya kepercayaan dan sokongan padu dan kerjasama ibu bapa dan penjaga.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia ketika bertitah pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama Isnin lepas percaya bahawa untuk pembangunan yang berjaya dan kewajipan pembangunan negara, kita sangat memerlukan rakyat khususnya para belia yang berdisiplin. Bagi tujuan itu, golongan belia tidak syak lagi akan menjadi pemimpin yang akan mencorakkan masa depan bangsa.

Dalam hal ini, baginda amat gembira pada mengetahui, sebagaimana kaji selidik yang dibuat oleh Universiti Brunei Darussalam (UBD), di mana lebih daripada 80 peratus para ibu bapa dan juga bekas pelatih PKBN telah melahirkan rasa puas hati dengan hasil dari program tersebut. Para ibu bapa pelatih PKBN sendiri ada yang menyatakan bahawa anak-anak mereka selepas tiga bulan mengikuti program tersebut telah banyak berubah seperti lebih hormat kepada orang tua dan lebih suka membantu orang lain.

Kejayaan program ini juga jelas menunjukkan bahawa PKBN adalah sebuah Program Pembangunan Belia yang terulung, unik dan berkesan sebagaimana yang dititahkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan PKBN itu.

Di mana pada keseluruhannya program pembangunan belia ini telah mencapai sasarannya dan seterusnya para pelatih yang telah menamatkan latihan akan memainkan peranan sebagai 'role model' dan menjadi perangsang atau pembakar semangat kepada belia lain dan seterusnya memberikan manfaat dan kelebihan dalam meningkatkan keupayaan golongan belia dari aspek 'qualitative' seperti kepimpinan, keupayaan, pengalaman, kerohanian, kemasyarakatan dan keusahawanan. Lebih-lebih lagi dengan tertubuhnya sebuah pusat dan kem latihan PKBN yang kekal di Batu Apoi, Daerah Temburong nanti.

PKBN sendiri menurut Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah ketika merasmikan PKBN Pengambilan Pertama bukanlah merupakan satu bebanan dan menyusahkan akan tetapi merupakan satu peluang yang sangat berharga kepada para belia ke arah pembentukan kecemerlangan diri untuk menjadi warga dan anggota masyarakat yang bertanggungjawab dan berjaya cekal. - **Ketua Penyuntingan (Zs).**

Ramalan Cuaca Tiga Hari		
RABU	KHAMIS	JUMAAT
32°C / 24°C	32°C / 24°C	31°C / 24°C
32°C / 24°C	32°C / 25°C	31°C / 25°C
32°C / 24°C	32°C / 24°C	31°C / 24°C
32°C / 24°C	32°C / 24°C	31°C / 24°C
32°C / 24°C	32°C / 24°C	31°C / 24°C
32°C / 24°C	32°C / 24°C	31°C / 24°C

Walaupun Binasabab  
Sumber / Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam  
Jabatan Penerangan Awam  
Telefon : 2330142 sambungan 1888/1551 atau Tallan Cuaca : 114

## SIDANG PENGARANG PELITA BRUNEI, JABATAN PENERANGAN

### Pemberitaan/Rencana

Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor,  
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli,  
Norliah Md. Zain,  
Hezlinawati Haji Abdul Karim,  
Haji Aliddin Haji Moktal,  
Ak. Jeffery Pg. Durahman,  
Haniza Abdul Latif,  
Abdullah Asgar,  
Abu Bakar Haji Abdul Rahman,  
Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad,  
Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman,  
Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim,  
Rohani Haji Abdul Hamid,  
Nooratini Haji Abas,  
Khartini Hamir,  
Saerah Haji Abdul Ghani,  
Aimi Sani,  
Noraisah Muhammed,  
Aryentty Haji Arifin

### Ketua Penyuntingan

Ali Termizzi Haji Ramlli / Haji Ramli,  
Hajah Zabaidah Haji Salat,  
Samle Haji Jait

### Penyemakan

Abdul Hadi Haji Suhaili,  
Haji Besar Haji Mamit,  
Hajah Norliha Haji Salleh,  
Ramlah Md. Nor,  
Nurul Hazwani Abu Omar,  
Siti Faizahanisah Awang Mahani,  
Dk. Nur Ridwana Pg. Abd. Aziz,  
Siti Noorzaimah Haji Nooralli

### Juruteknik Foto

Hatral Hazmi Abdul Hamid,  
Jurainah Haji Jait,  
Nornasyirah Nordin

### Penyuntingan

Haji Sahari Akim,  
Pg. Haji Waliyuddin Pg. Haji Ahmad,  
Siti Muslihat Haji Salleh,  
Bolhassan Haji Abu Bakar,  
Zawiyatun Ni'mah Mohd. Akir

### Penterjemahan

Hajah Musmariani Haji Mohammad

### Pereka Letak

Khairul Shaharim Haji Abdul Ghafor,  
Haji Ahmad Haji Salim,  
Mohammad Ike Iqrami Haji Suhaimi,  
Muhammad Hamdanajib Haji Domeng,  
Mohammad Kahar,  
Wan Mohamad Sahrnan Wan Ahmadi,  
Hajah Raini Haji Bidin,  
Dk. Sahraini Pg. Haji Ismail

AMBULANS  
991

POLIS  
993

BOMBA  
995

PENYELAMAT  
998

PUSAT PEMEDULIAN PELANGGAN  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN  
140

ELEKTRIK  
144

NDMC  
2380214

# Menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera dan Ketua Polis, Malaysia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Inspektor Jeneral Polis ketika berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera, Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zulkifli Mohd. Zin dan Ketua Polis Negara, Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar.

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Azmah Haji Ahad / Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 December. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Inspektor Jeneral Polis, berkenan menerima mengadap

Panglima Angkatan Tentera, Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zulkifli Mohd. Zin dan Ketua Polis Negara, Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar.

Hadir di majlis mengadap ialah Pemerintah ABDB, Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin dan juga Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam, Dato Seri Pahlawan

Bahrin bin Mohd Noor.

Juga hadir Setiausaha Tetap di Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hamdan bin Haji Abu Bakardan Setiausaha Tetap (Dasar Pertahanan dan Pembangunan), Kementerian Pertahanan, Kolonel (B) Pengiran Dato Paduka Azmansham bin Pengiran Haji Mohamad.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman.

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menerima junjung ziarah dan mengadap Panglima Angkatan Tentera, Malaysia, Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sri Zulkifli Mohd. Zin (kanan).



# Menerima mengadap isteri Panglima ATM, Ketua Polis Negara Malaysia dan isteri Duta Besar Republik Indonesia



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang dan isteri Ketua Polis Negara Malaysia, Yang Berbahagia Puan Sri Datin Imran binti Ibrahim. (kiri). Sementara gambar kanan baginda berkenan menerima mengadap perpisahan isteri Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Ibu Nani Handriyo.

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Ampuan Haji Mahmud  
Ampuan Haji Tengah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Puan Sri Datin Sri Umi Kalsom binti Wan Awang dan isteri Ketua Polis Negara Malaysia, Yang Berbahagia Puan Sri Datin Imran binti Ibrahim.

Hadir pada Majlis Mengadap yang berlangsung

di Istana Nurul Iman ialah isteri Timbalan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Datin Zulia binti Basman; isteri Pesuruhjaya Polis Negara Brunei Darussalam, Datin Rosminah binti Haji Abd. Hamid dan Datin Paduka Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.

Sementara itu Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam juga berkenan menerima mengadap perpisahan tamat perkhidmatan isteri Duta Besar Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, Ibu Nani Handriyo.

Majlis berlangsung di Istana Nurul Iman. Hadir pada majlis mengadap ialah Datin Paduka Dayang Hajah Maimunah binti Dato Paduka Haji Elias.

## Pertukaran dan pelantikan pegawai kanan kerajaan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah mengurniakan titah perkenan bagi pertukaran dan pelantikan dua orang pegawai kanan kerajaan.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) di Kementerian Pendidikan, Yang Mulia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Mohd. Salleh ditukar menjadi Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, sementara Pemangku Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan / Ketua Unit Pemedulian dan Pendidikan Awal Kanak-kanak, Yang Mulia Datin Dr. Hajah Asmah binti Haji Murni dilantik menjadi Pengarah Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan.

Tarikh pertukaran dan pelantikan pegawai-pegawai berkenaan berkuat kuasa mulai hari Ahad, 27 Muharam 1435 Hijriah bersamaan 1 Disember 2013 Masihi.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan berangkat menghadiri Pameran Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4, bertempat di Kompleks BRIDEX, Jerudong.

**JERUDONG**, Selasa, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, berkenan berangkat melancarkan Pameran Pertahanan

Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4, bertempat di Kompleks BRIDEX, Jerudong, di sini.

Keberangkatan tiba Kebawah Duli Yang Maha Mulia dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan menandatangani buku lawatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan demonstrasi peralatan pertahanan tentera yang ditunjukkan oleh salah seorang pegawai yang menyertai pameran pertahanan tersebut.

# Berangkat melancarkan BRIDEX 2013



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan putera-putera baginda berkenan berangkat di Majlis Pelancaran Pameran Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4, di Kompleks BRIDEX, Jerudong.

Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin serta ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur BRIDEX 2013.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Jeneral ABDB dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Majlis perasmian BRIDEX dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan doa selamat yang diketuai oleh Penolong Ketua Ugama ABDB, Kapten Ariffin bin Amit.

Ke muka 5

Oleh : Aimi Sani, Abdullah Asgar  
Foto: Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah, Muhammad Asri Haji Awang Abas



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menyaksikan dan juga mendengar sembah taklimat daripada seorang pegawai yang menyertai pameran pertahanan tersebut.



KEBAWAH DYMM dan Duli Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Mahkota sejeurus menerima pesambah daripada para pegawai yang ikut serta dalam pameran pertahanan tersebut (kiri). Kebawah DYMM dan DYTMM DPMM berkenan menyaksikan pameran peralatan pertahanan (atas).

# BRIDEX capai reputasi tinggi

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto : Azmah Haji Ahad

**RIMBA**, Selasa, 3 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB), Rimba bagi menyaksikan pameran statik pesawat.

Kebawah DYMM berangkat ke Pangkalan TUDB, Rimba dengan pesawat helikopter S70i Black Hawk.

Kebawah DYMM juga berkenan merasmikan Pusat Pergerakan Udara (AMC) dengan menandatangani tugu perasmian yang terletak di dalam bahagian bangunan

tersebut.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga selaku Jeneral ABDB dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Sejumlah 12 pesawat dipamerkan termasuk pesawat-pesawat dari negara tuan rumah, Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Singapura, Republik Indonesia, Thailand, Jerman dan Amerika Syarikat.

BRIDEX mencapai reputasi tinggi dengan menarik ramai penyertaan global dan sektor industri pertahanan untuk berkongsi cabaran terhadap pertahanan dan keselamatan masa kini dan BRIDEX juga dilihat boleh membantu Negara Brunei Darussalam dalam usahanya meluaskan lagi interaksi penglibatan dan pengukuhan di rantau ini dan juga Asia-Pasifik dan juga dalam isu-isu yang berkaitan dengan keselamatan.

Bagi menyaksikan pameran statik orang ramai bolehlah berkunjung ke Pangkalan TUDB, Rimba pada 5 dan 6 Disember 2013.

**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) berkenan berangkat ke Pangkalan Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Menteri Pertahanan dan Pemerintah Tertinggi ABDB berkenan berangkat menyaksikan pameran pesawat dan statik di Pangkalan TUDB di Rimba. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang juga selaku Jeneral ABDB dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah. (kiri dan kanan)

## Dari Muka 4

Kebawah DYMM kemudian berkenan menyempurnakan perasmian BRIDEX 2013 dan dijunjung menyaksikan pertunjukan udara yang dipersembahkan oleh Tentera Udara Diraja Brunei (TUDB).

Tentera Udara Republik Singapura, Tentera Udara Republik Indonesia, Marine Corps Amerika Syarikat dan Tentera Udara Republik Perancis.

Baginda seterusnya berkenan menyaksikan pelbagai kemudahan dan peralatan serta teknologi pertahanan terkini yang menyertai BRIDEX Ke-4.

Pada majlis itu baginda juga berkenan merasmikan sebuah helikopter Sikorsky S-70i Black Hawk.


Pameran dan Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4, merupakan acara penting kepada pertahanan dan keselamatan di Asia Tenggara yang berfungsi sebagai pasaran eksklusif untuk mempromosikan penyelesaian teknologi terkini yang inovatif bernilai tinggi dalam sistem keselamatan darat, laut dan udara

bagi menangani cabaran-cabaran spektrum keselamatan yang dihadapi oleh negara-negara di rantau ini dan di seluruh dunia.

BRIDEX juga menyediakan platform yang sangat baik untuk membina hubungan penting, menjalin perkongsian dan mengambil peluang perniagaan baru di rantau Asia Tenggara yang pesat berkembang, di samping membentuk rangkaian, perkongsian pendapat dan pengetahuan, membincangkan kemajuan teknologi dan perkembangan industri.

Kira-kira 80 buah syarikat daripada lebih 20 buah negara menyertai pameran kali ini yang menghimpunkan pengeluar, pembekal pertahanan dan peralatan keselamatan terkemuka di dunia serta peringkat tinggi kerajaan antarabangsa yang meliputi pegawai-pegawai pertahanan dan keselamatan.

BRIDEX 2013 yang dianjurkan oleh Perkhidmatan Teknikal Diraja Brunei (RBTS) dengan sokongan Kementerian Pertahanan menyediakan peluang penting bagi industri pertahanan memamerkan teknologi dan sistem mereka



**KEBAWAH** Duli Yang Maha Mulia berkenan mendengar sembah taklimat daripada seorang peserta pameran daripada sebahagian peralatan tentera serta teknologi pertahanan yang dipamerkan di BRIDEX Ke-4.

terutama yang bersesuaian dengan sistem serantau.

Tema tahun ini 'Merapatkan Jurang Keupayaan' (Bridging The Capability Gap) dihasratkan mengetengahkan peranan teknologi

dalam menagani keperluan pertahanan kebangsaan tradisi dan bukan tradisi.

Peningkatan penyertaan tahun ini membuktikan reputasi BRIDEX sebagai pameran pertahanan

yang berprestij selain merupakan sebahagian dari usaha Kementerian Pertahanan untuk mempromosikan perkembangan industri pertahanan serta syarikat-syarikat tempatan dalam sektor pertahanan.

# PERSIDANGAN PERTAHANAN BRIDEX 2013

## Tangani cabaran keselamatan serantau dan global



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika berkenan berangkat ke Majlis Perasmian Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4.

Oleh: Hajah Siti Zuraiyah binti Haji Sulaiman,  
Saerah Haji Abdul Ghani

Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**JERUDONG**, Isnin, 2 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral Angkatan Bersenjata Diraja Brunei berkenan berangkat merasmikan Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di Pusat Persidangan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong dijunjung oleh Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa bin Haji Sirat dan Ahli-ahli Jawatankuasa Penganjur BRIDEX 2013.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah beramai-ramai dan doa selamat yang diketuai oleh Pegawai Ugama, Kementerian Pertahanan, Awang Haji Roslan bin Haji Sulaiman.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Mustappa dalam sembah alu-aluannya menyebarkan junjung kasih ke hadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia atas keberangkatan menyempurnakan perasmian persidangan tersebut.

Menurutnya, persidangan itu penting bagi menangani cabaran-cabaran keselamatan dan serantau dan antarabangsa yang berkembang pada masa ini.

Dato Paduka seterusnya menyebarkan, persidangan mengundang lapan personaliti bertaraf tinggi dan pakar-pakar terkemuka untuk berkongsi

pandangan dan idea masing-masing dalam isu-isu strategik dan pertahanan dan keselamatan.

Persidangan itu juga, tambahnya, memberikan para peserta idea berharga untuk bekerjasama secara kolektif dan menyumbang kepada keamanan dan keselamatan peringkat serantau dan global.

Pada majlis itu, DYTМ juga berkenan mengurniakan sabda perasmian.

Sesi persidangan diteruskan dengan penyampaian Ucaptama Perdana Pertama bertajuk 'Menjalin Keselamatan Senibina Serantau Yang Lebih Kukuh' disampaikan oleh Menteri Sosial dan Pembangunan Keluarga dan Menteri Kedua Pertahanan Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Chan Chun Sing.

Dalam ucaptamanya, TYT antaranya melihat bahawa seni bina keselamatan rantau ini hendaklah berlabuh pada tiga prinsip: Terbuka dan inklusif di mana perbezaan pendapat hendaklah diselesaikan secara aman serta mengikut undang-undang antarabangsa, sementara seni bina keselamatan hendaklah dapat memudahkan dialog strategik dan kerjasama praktikal.

Ini diikuti dengan Ucaptama Perdana Kedua yang disampaikan oleh Bekas Ketua Turus Pertahanan United Kingdom, Jeneral Sir David Richards bertajuk 'Pakatan dan Pertahanan Umum: Satu Gambaran untuk ASEAN' yang membincangkan mengenai kerjasama di antara tentera sebagai tunggak dalam pertahanan dan sekuriti khususnya di Eropah dan bagaimana model-model itu dapat membawa manfaat kepada ASEAN.

Dalam sesi kedua pula, lima penceramah berkongsi pandangan mereka mengenai pelbagai isu pertahanan dan keselamatan iaitu Brigadier (Bersara) Vinod, Anand, Senior Fellow and Research Coordinator, Vivekananda International Foundation (VIF), New Delhi, India; Senior Colonel



DULI Yang Teramat Mulia berkecambah mengurniakan cenderamata penghargaan kepada salah seorang pembentang kertas kerja (atas dan bawah).



Zhao Xiaozhuo; Timbalan Pengarah, Centre on China-America Defense Relations, Academy of Military Science (AMS), People's Liberation Army (PLA); Professor Geoffrey Till, Director of the Corbett Centre for Maritime Policy Studies, King's College London; Mr. Richard A. Bitzinger, Coordinator of Military Transformations Programme and Senior Fellow, Rajaratnam School of International Studies, Singapore; dan Minister B. Winid, Undersecretary of State for Security Policy, Ministry of Foreign Affairs, Poland.

Persidangan diakhiri dengan penyampaian kertas kerja bagi sesi ketiga yang disampaikan semasa Majlis Makan Tengahari oleh Naib Canselor Universiti Pertahanan Kebangsaan Malaysia, Yang Amat Berhormat Jeneral Tan Sri Dato' Seri Panglima Haji Zulkifli bin Haji Zainal Abidin

Pada akhir sesi persidangan, DYTМ berkecambah menyempurnakan penganugerahan cenderamata penghargaan kepada para pembentang persidangan.



DYTМ berkecambah menandatangani lembaran keberangkatan pada Majlis Perasmian Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB ketika berkenan bergambar ramai bersama para pegawai Ahli Jawatankuasa Penganjur Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4 di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa BRIDEX, Jerudong.

## Keselamatan menjadi keutamaan ASEAN

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto: Hernie Suliana Haji Othman, Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

### Dari muka 1

“ASEAN tetap berpegang teguh kepada penyelesaian perbezaan 'intra-serantau (intra-regional)' melalui proses-proses yang aman. Ini telah memberikan perhatian yang sangat besar kepada pembentukan dan perkongsian, pencegahan konflik, penanganan konflik dan pembangunan keamanan selepas konflik” demikian sabda Duli Yang Teramat Mulia semasa merasmikan Persidangan Pertahanan Antarabangsa Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4 yang berlangsung di Pusat Persidangan Pertahanan Antarabangsa BRIDEX, di sini.

Satu peristiwa penting dalam sejarah ASEAN ke arah mencapai APSC sabda DYT M Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ialah penubuhan Mesyuarat Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN

pada tahun 2006 dan ianya dipertingkatkan lagi dengan Mesyuarat 'ASEAN Defence Ministers Plus' dalam tahun 2010.

Sabda DYT M, perhimpunan Menteri-Menteri Pertahanan ASEAN dan rakan-rakan mereka daripada seluruh Asia Pasifik menandakan kekuatan politik di kalangan negara-negara anggota bagi bekerjasama melindungi kepentingan dan memupuk kestabilan di rantau ini.

“Usaha-usaha ini telah memupuk kerjasama ketenteraan yang erat, terutamanya dalam menangani isu-isu keselamatan bukan tradisional termasuk menjaga keamanan dan keselamatan maritim”, sabda DYT M.

DYT M selanjutnya bersabda, adalah jelas bahawa peranan pertahanan dalam hal ehwal serantau kekal menjadi dimensi penting dalam mencapai matlamat politik dan keselamatan komuniti ASEAN

dan ia adalah pra-syarat kepada usaha ASEAN untuk mencapai kemajuan ekonomi dan sosial di rantau ini.

Sebagai sebahagian daripada rantau Asia Pasifik sabda DYT M, ASEAN menghargai persekitaran serantau yang dinamik dan kepentingan mewujudkan hubungan strategik dengan negara-negara kuasa besar dan di waktu yang sama juga bekerjasama rapat dengan rakan-rakan dalam memberi perhatian kepada perkara-perkara utama di rantau ini.

Sehubungan ini, sabda DYT M, ASEAN berperanan sebagai penyumbang penting dalam hal ehwal serantau yang mana dasar berkecualinya dalam mengurus dan menangani persekitaran strategik akan memastikan bahawa perpaduan akan kekal bertahan bagi generasi akan datang.

DYT M seterusnya bersabda menegaskan agar keselamatan ASEAN tidak diambil ringan dan menyeru agar ASEAN sentiasa berwaspada terhadap pelbagai cabaran keselamatan dari kebangkitan etnik, pelampau dan keganasan.

ASEAN tegas DYT M perlu terus berhati-hati kepada cabaran-cabaran baru seperti keselamatan siber dan penggunaan dua teknologi yang berleluasa.

“Di sinilah, interaksi melalui dialog dan persidangan serantau memainkan peranan utama meskipun dalam bentuk kurang formal seperti persidangan BRIDEX tersebut,” sabda DYT M.

DYT M juga melahirkan rasa bangga pada mengetahui bahawa persidangan BRIDEX mencapai reputasi tinggi dengan menarik ramai penyertaan serantau dan global dan menjadi acara utama dalam kalendar pertahanan serantau dengan kesediaan penceramah undangan berkongsi dan bertukar-tukar



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Jeneral Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Jeneral ABDB ketika mengurniakan sabda perasmian pada Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4.

pandangan mengenai pelbagai isu kontemporari pertahanan dan keselamatan.

Pada masa yang sama, DYT M juga membina melihat penglibatan ahli-ahli sektor industri pertahanan yang menampakkan minat untuk berkongsi penyelesaian terhadap cabaran pertahanan dan keselamatan pada persidangan tersebut.

DYT M percaya, sudah tiba masanya untuk ASEAN menggambarkan bagaimana persidangan BRIDEX dapat

membantu Negara Brunei Darussalam dalam usahanya meluaskan lagi interaksi penglibatan dan mengukuhkan kepercayaan dalam rantau ini dan Asia pasifik.

Terdahulu, DYT M bersabda bahawa melindungi Kedaulatan Negara, Integriti Negara dan Rakyat serta Kemajuan Ekonomi dan Sosial merupakan dua bidang yang menjadi fokus utama sejajar dengan tema ASEAN tahun ini iaitu 'Rakyat Kita, Masa Depan Kita Bersama'.



HADIR dalam sesi Persidangan Pertahanan Antarabangsa Negara Brunei Darussalam (BRIDEX 2013) Ke-4 para pegawai yang berkepentingan dari pasukan beruniform dan kakitangan kerajaan dari luar negeri dan dalam negeri.

## Berangkat ke Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat PPPNBD



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) ketika berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat sempena Sambutan Hari Kemasyarakatan Ke-4 2013 Persatuan PPPNBD. Juga berangkat Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Naib Yang Dipertua PPPNBD.

Oleh : Aimi Sani  
Foto: Muhammad Asri  
Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) berkenan berangkat ke Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat sempena Sambutan Hari Kemasyarakatan Ke-4 2013 Persatuan PPPNBD.

Keberangkatan YTM pada majlis yang berlangsung di ibu pejabat persatuan berkenaan di Anggerek Desa, di sini, dijunjung oleh Ketua Pesuruhjaya PPPNBD, Dayang Hajah Siti Hafsa binti Haji Abdul Halim.

Juga berangkat ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna binti Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Naib Yang Dipertua PPPNBD.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al Fatihaah yang dipimpin oleh Dayang Salimah binti Haji Ahmad.

Ketua Pesuruhjaya PPPNBD, Dayang Hajah Siti Hafsa dalam sembah alu-aluannya berkata, Sambutan Hari Kemasyarakatan adalah satu dari kegiatan tahunan ahli-ahli PPPBD yang mana ianya dihasratkan bagi penganugerahan projek kemasyarakatan yang terbaik dijalankan oleh ahli-ahli PPPNBD bagi penerimaan Anugerah Khidmat Masyarakat YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah.

Sejak ianya dilancarkan tiga tahun yang lalu katanya, belum ada Kumpulan Pandu Puteri Tunas, Pasukan Pandu Puteri dan Pandu Puteri Ranjer serta Unit Pemimpin Muda mencapai tahap Kriteria yang dikehendaki bagi pengurniaan anugerah tersebut.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan PPPNBD mengurniakan sumbangan kepada Naib Yang Di-Pertua SMARTER Brunei, Mejar (B) Md. Talip bin Mohd. Tahir.

Justeru itu, Jawatankuasa Tadbir PPPNBD telah mengubah suai format pendekatan supaya ahli-ahli PPPNBD dapat berjinak-jinak menjalankan program khidmat masyarakat itu.

"Format pendekatan yang dimaksudkan adalah dengan mengadakan program berkenaan serentak beramai-ramai melalui Ibu Pejabat PPPNBD dan diusahakan bersama Pesuruhjaya Pandu Puteri, Pesuruhjaya Pandu Puteri Ranger, Pesuruhjaya Pemimpin Muda dan Jawatankuasa Tadbir PPPNBD," tambahnya.

Menurutnya seramai 50 orang Pandu Puteri, Pandu Puteri Ranjer dan Pemimpin Muda akan menyertai Program Khidmat Masyarakat yang diadakan bermula 2 Disember hingga 5 Disember 2013 bertempat di Ibu Pejabat PPPNBD.

Antara kegiatan-kegiatan yang dianjurkan terangnya ialah menolong membersihkan rumah seorang ibu tunggal yang tinggal di Jalan Muara; membersihkan Masjid Kampung Lambak Kanan; memberikan khidmat di Pusat Bahagia Kampung Pulaie;

membersihkan kawasan Makam Sultan Sharif 'Ali di Jalan Kota Batu dan seterusnya membaca Tahlil di makam berkenaan selain turut membersihkan kawasan Ibu Pejabat PPPNBD pada hari terakhir program tersebut dijalankan.

Selain itu, ahli-ahli Pandu Puteri Tunas jelasnya, juga akan menjalankan kegiatan-kegiatan seperti membuat kraf tangan, membuat biskut dan kegiatan-kegiatan terdapat dalam buku program pendidikan Pandu Puteri Tunas setiap hari di Ibu Pejabat PPPNBD.

Acara diteruskan dengan penganugerahan sumbangan sempena Hari Kemasyarakatan Ke-4 yang disempurnakan oleh YTM kepada Naib Yang Di-Pertua SMARTER Brunei, Mejar Bersara Md. Talip bin Mohd. Tahir.

Sementara itu, Doa Khas Hari Kemasyarakatan Ke-4 juga dibacakan oleh Dayang Sarimah binti Haji Ahmad.

Pada majlis tersebut, ahli-ahli Pandu Puteri Tunas turut menyembahkan persembahan khas mengenai Sambutan Hari Kemasyarakatan.

## Komitmen, semangat PPPNBD bantu pembangunan negara



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah, Yang Di-Pertua Persatuan PPPNBD semasa mengurniakan sabda pada Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat sempena Sambutan Hari Kemasyarakatan Ke-4 2013 Persatuan PPPNBD.

Oleh : Aimi Sani  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Ahli-ahli Persatuan Pandu Puteri sudah setentunya mempunyai peluang untuk memainkan peranan dalam agenda pembangunan negara tetapi ini memerlukan sikap berikar yang teguh serta kesanggupan untuk berkorban masa dan tenaga bagi kebaikan yang lebih meluas.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah binti Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkihah Mu'izzaddin Waddaulah selaku Yang Di-Pertua Persatuan Pandu Puteri Negara Brunei Darussalam (PPPNBD) bersabda proses menjalankan program-program berkebijakan bukan semuanya mudah malahan ianya memang mempunyai pelbagai cabaran yang tersendiri yang memerlukan komitmen dan semangat yang kukuh untuk meraih kejayaan.

Justeru itu, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkihah menyeru semua lapisan ahli PPPNBD untuk tidak melepaskan peluang tersebut dan menjadikannya sebagai landasan untuk mencapai kejayaan.

"Saya penuh yakin bahawa jika semua ahli bersungguh-sungguh di dalam menjalankan tugas-tugas mereka masing-masing, PPPNBD akan dapat mengatasi segala cabaran dan seterusnya meningkatkan pencapaian program ini ke tahap yang benar-benar cemerlang," demikian sabda Yang Teramat Mulia pada Majlis Pelancaran Program Khidmat Masyarakat sempena Sambutan Hari Kemasyarakatan Ke-4 2013 bertempat di Ibu Pejabat PPPNBD, Anggerek Desa, di sini.

Terdahulu, YTM melahirkan rasa gembira pada mengetahui bahawa dalam menyambut hari kemasyarakatan tahun ini, ahli-ahli PPPNBD telah dapat meneruskan program khidmat masyarakat persatuan yang telah dimulakan beberapa tahun yang lalu.

Segala usaha kemasyarakatan ini tegas YTM, perlu dilaksanakan dan dijalankan sesuai dengan peredaran dan keperluan semasa supaya mekanisma dan objektif setiap kegiatan akan tetap relevan kepada keperluan masyarakat dan sesuai untuk menyuntik semangat dan motivasi yang tinggi terutamanya di kalangan ahli-ahli muda persatuan yang ikut serta dalam menyayakan kegiatan tersebut.

Menyentuh mengenai keahlian PPPNBD yang sebahagian besarnya terdiri daripada penuntut-penuntut dan guru-guru, YTM percaya bahawa kegiatan pendidikan luar sekolah merupakan peluang terbaik bagi ahli-ahli muda persatuan yang masih bersekolah untuk memenuhi ruang pendidikan kokurikulum dengan kerja-kerja kebajikan melalui aktiviti persatuan.

"Di dalam perkara ini mungkin masih terdapat keperluan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha ahli dewasa Persatuan untuk menunjukkan contoh kepimpinan yang lebih menyerlah demi menarik minat ahli-ahli muda untuk menyumbangkan tenaga dan masa mereka secara sukarela kepada kegiatan-kegiatan berkebijakan dan kemasyarakatan terutamanya dalam program-program yang melibatkan tenaga penuntut-penuntut sekolah," YTM menambah sabda.

Pada majlis tersebut, YTM juga merakamkan penghargaan kepada semua ahli dan penyokong-penyokong sukarela PPPNBD di atas segala bantuan dan usaha ikhlas mereka dalam merancang program khidmat masyarakat ini demi kebaikan persatuan dan negara ini.

# 54 graduan ITB menerima anugerah pelajar terbaik

Oleh : Dk. Siti Redzaimi  
Pg. Haji Ahmad  
Foto : Haji Masmaleh  
Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 November. - Institut Teknologi Brunei (ITB) telah mengadakan Malam Graduan ITB Sempena Majlis Konvokesyen ITB 2013 dan Istiadat Pengisytiharan Pro-Canselor bertempat di Goldstone Ballroom, Centrepoin Hotel di Gadong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Pada majlis itu, Pemangku Naib Canselor ITB, Profesor Madya Dr. Hajah Zohrah binti Haji Sulaiman dalam ucapan alu-aluannya antara lain menyatakan majlis pada malam itu turut diserikan dengan penganugerahan kepada pelajar-pelajar terbaik yang merupakan tanda pengiktirafan dan penghargaan pihak universiti atas pencapaian dan kecemerlangan akademik dan kegiatan kokurikulum



**MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong semasa hadir pada Malam Graduan ITB Sempena Majlis Konvokesyen ITB 2013 dan Istiadat Pengisytiharan Pro-Canselor.**

yang diperolehi para graduan dan pelajar dalam bidang masing-masing.

“Teruslah menjadi individu yang cemerlang, berkualiti, berkemahiran, kreatif dan inovatif, berjaya dan berwawasan, yang akan sentiasa memberi sokongan berterusan terhadap ITB,” tambahnya.

Seramai 54 penerima anugerah

pelajar terbaik dalam 25 kategori berasingan telah menerima anugerah masing-masing yang disampaikan oleh tetamu kehormat pada majlis itu.

Majlis tersebut adalah bagi meraikan para graduan setelah penat bertungkus lumus di dalam berusaha untuk mencapai kejayaan mereka pada hari ini.

# DBP laksana program tingkatkan budaya membaca



**TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman berkesudian membacakan buku cerita kepada murid-murid pra sekolah rendah.**

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**SERIA**, Sabtu, 16 November. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan khususnya Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) mempunyai beberapa program untuk meningkatkan budaya membaca di Negara Brunei Darussalam.

Salah satu program yang dijangka akan dilancarkan tidak berapa lama lagi ialah meningkatkan atau menggalakkan ibu-ibu mengandung membaca kepada anak-anak yang baru lahir dan juga disediakan cara untuk meningkatkan atau menggalakkan membaca.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman memberitahu perkara tersebut dalam temu bual sejurus selepas Yang Mulia merasmikan Majlis Pelancaran Kempen Membaca Peringkat Daerah Belait 2013 yang diadakan di Pusat Penemuan Minyak dan Gas (OGDC), di sini.

“Ramai ibu bapa ingin melihat anak-anak mereka membaca tetapi ada yang tidak tahu cara berbuat demikian, maka *learning skills*, bagaimana untuk menggalakkan anak-anak mereka membaca. Insya-Allah, DBP

dan Kementerian Pendidikan serta kementerian-kementerian lain juga mempunyai peranan yang sama untuk memikirkan tatacara proses pembelajaran bagi ibu bapa untuk mengajar anak-anak mereka membaca,” ujar Datin Paduka.

Sementara itu warga emas dan yang telah meninggalkan bangku sekolah pula, mereka harus meneruskan pembacaan, saran Datin Paduka selaku tetamu kehormat.

Pada masa ini, kata Datin Paduka terdapat banyak cara untuk membaca bukan sahaja melalui buku, tetapi juga melalui *e-books* dan suratkhbar dan seumpamanya dan kempen meningkatkan budaya membaca selaras dengan Wawasan Negara Brunei Darussalam 2035 yang menuju kepada masyarakat yang berilmu.

“Tanggungjawab untuk meningkatkan budaya membaca bukan sahaja kepada institusi kerajaan, tetapi ia merupakan tanggungjawab bersama semua lapisan masyarakat,” ungkap Datin Paduka.

Kempen Membaca merupakan antara usaha Kementerian Pendidikan pada menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam untuk membudayakan sikap rajin membaca di kalangan semua lapisan masyarakat dan mempromosi penglibatan dan sokongan masyarakat dalam menjana dan memangkin penguasaan kemahiran literasi di kalangan pelajar dan anak-anak di negara ini.

Pemangku Pengarah Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan, Awang Zainal Abidin bin Haji Kepli dalam ucapan alu-aluan berharap kempen budaya membaca di Negara Brunei Darussalam akan dapat dipertingkatkan ke arah membina masyarakat yang berilmu, berpengetahuan dan berpendidikan bagi mencapai wawasan 2035.

Majlis diteruskan dengan persembahan pentas daripada murid-murid prasekolah rendah kerajaan dan persembahan Mari Bercerita daripada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar sementara Choral Reading di sampaikan oleh pelajar-pelajar Sekolah St. John, Kuala Belait.

Sejurus selepas pelancaran, diperdengarkan bacaan Surah Al ‘Alaq dan terjemahannya oleh murid Tahun 4, Sekolah Rendah Paduka Seri Begawan Sultan Omar ‘Ali Saifuddin, Kuala Belait, Awang Abd. Azim bin Haji Masri.

Pada majlis tersebut tetamu kehormat berkesudian membacakan buku cerita kepada murid-murid prasekolah rendah dan seterusnya melawat pameran serta aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

Bahan yang dipamerkan berbagai jenis yang dapat memberi manfaat kepada para pembaca sama ada berupa bahan cetak atau digital. Medium bahan bacaan yang dipamerkan tidak terhad pada bahan Melayu iaitu Rumi dan Jawi malah juga termasuk bahasa Inggeris dan Arab.

Kempen bertemakan ‘Bisaihat Kitani Membaca’ melibatkan penyertaan Unit Pendidikan Khas, lima buah sekolah menengah, 16 buah sekolah rendah kerajaan dan empat buah sekolah swasta serta dua buah sekolah teknikal di Daerah Belait.

# Membaca senaman minda berkesan

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani  
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 30 November. - Membaca bukan sahaja membantu murid-murid dan para pelajar memperkukuh perbendaharaan kata dan menguasai bahasa ataupun ilmu linguistik tetapi juga dapat menambah ilmu pengetahuan.

Dengan membaca juga, ia dapat melatih kefasihan berbicara serta menambah pengetahuan fakta dengan memperolehi maklumat atau data dan fakta baru.

Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras) Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim menjelaskan demikian pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar Juara Pelajar Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) 2013, berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Bomba dan Penyelamat, di sini.

Menurutnya, pemikiran pembaca seterusnya dapat menyumbang kepada kesedaran sivik, sosial, ekonomi, politik, sejarah dan isu-isu yang berbangkit masa kini, dalam diri pembaca selain membaca turut menawarkan senaman minda yang berkesan dan memperkuat rangkaian dalam otak manusia serta merangsang pembinaan rangkaian saraf baru.

“Hal ini secara tidak langsung menjadikan konsentrasi seseorang itu bertambah baik dan seterusnya emosi EQ mereka ikut berkembang. Jadi tidak hairanlah dengan pepatah yang mengatakan ‘Setitis tinta boleh menggerakkan sejuta manusia untuk berfikir’,” ujarnya.

Menyedari hakikat ini juga, tambahnya, ibu bapa hendaklah memainkan peranan penting dan tidak hanya menyerahkan tugas memupuk budaya membaca kepada guru-guru semata-mata, kerana ibu bapalah yang lebih afdal untuk menjadi contoh atau teladan terbaik kepada anak-anak yang gemar membaca.

Beliau berkata, ibu bapa juga digalakkan memperuntukkan sedikit perbelanjaan membeli buku untuk anak-anak dengan mengambil peluang, lebih-lebih lagi di mana adanya terhidang bahan-bahan bacaan secara promosi dengan harga murah.

Pada majlis itu, Awang Abdul Aziz bin Noor Nasran dari Sekolah Al-Falaah, Sungai Akar diumumkan sebagai juara bagi Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar Kategori ‘A’, manakala tempat kedua dan ketiga disandang oleh Dayang Nurul Basirah binti Haji Bujang dari Sekolah Rendah Pengiran Setia Negara Pengiran Mohd. Yusof, Seria.

Bagi Peraduan Menulis Karangan Majalah Juara Pelajar

Kategori ‘B’ dimenangi oleh Dayang Nur Syafiqah binti Muhammad Hamizan dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam diikuti tempat kedua dan ketiga ialah Awang Mohd. Amir Putera Razzaqzharfan Hakeemuddin bin Haji Yacob dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Sementara itu bagi Kategori ‘C’ dalam Peraduan Menulis Majalah Juara Pelajar dijuarai oleh Dayang Nurainina Hanani binti Samri dari Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna; tempat kedua disandang oleh Dayang Haziqah Hasyimah binti Haji Awang Omar dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri diikuti tempat ketiga oleh Yang Syee Hui dari Sekolah Menengah Chung Ching, Seria.

Pada tahun ini, Bahagian Perancangan Majalah dan Jurnal telah menerima 219 penyertaan daripada semua kategori iaitu 93 buah karangan daripada Kategori ‘A’, 76 buah karangan daripada Kategori ‘B’ dan 50 buah karangan daripada Kategori ‘C’.

Tujuan utama peraduan itu ialah bagi memupuk budaya membaca dengan mengetengahkan majalah Mekar dan Juara Pelajar kepada para pelajar sekolah serta membiasakan pelajar menghuraikan idea secara objektif.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk membiasakan pelajar membentuk ayat yang kemas, ejaan yang betul dan tatabahasa yang tepat serta menimbulkan minat dan menggalakkan para pelajar menulis dalam bidang penulisan kreatif dan nonkreatif yang boleh dijadikan sebagai karya, di samping memberikan peluang kepada mereka menulis dalam kedua-dua majalah berkenaan.



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Haji Suhaila bin Haji Abdul Karim semasa berucap pada Majlis Penyampaian Hadiah Peraduan Menulis Karangan Majalah Mekar Juara Pelajar Dewan Bahasa dan Pustaka 2013.**

Kempen di Daerah Belait dikendalikan oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Kementerian Pendidikan bertujuan untuk mempromosi dan mendapatkan sokongan serta penyertaan masyarakat awam dalam menjaga dan memangkin penguasaan kemahiran literasi pelajar-pelajar di semua peringkat persekolahan.

Kempen juga bertujuan untuk melaksanakan berbagai inisiatif dan aktiviti yang memperkasa kemahiran literasi para pelajar secara bersepadu, terarah dan bersestematik serta memberikan impak jangka panjang peningkatan literasi kepada para pelajar, golongan remaja dan

masyarakat umum.

Format pelaksanaan kempen diselenggarakan di keempat-empat daerah dan akan diteruskan tahun depan dengan berbagai aktiviti seperti acara larian dan berbasikal amal, penyampaian hadiah kegiatan dan aktiviti dan lain-lain aktiviti membaca.

Pada kempen tersebut juga diadakan kutipan amal bagi Tabung Kemanusiaan Bencana Alam Filipina (TKBAF) yang diadakan di keempat-empat daerah bagi membantu meringankan beban penderitaan yang ditanggung oleh mangsa-mangsa bencana alam Taufan Haiyan di republik berkenaan.

# Jauhilah Arak!

## Ummu al-Khaba'its (Ibu Segala Kejahatan)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ISLAM diturunkan kepada manusia sebagai pembimbing ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat dengan memandu manusia ke arah segala bentuk kebaikan dan menyelamatkan mereka daripada segala bentuk kejahatan. Bagi memastikan kehidupan manusia sentiasa terjaga dan terarah, syariat Islam telah mengasaskan enam sendi sebagai dasar bagi memelihara maslahat dan menolak bencana. Sendi-sendi tersebut ialah: Memelihara ugama, memelihara nyawa atau jiwa, memelihara akal, memelihara nasab, memelihara nama baik dan memelihara harta.

Segala perkara yang merosak atau memusnahkan walau satu sahaja daripada sendi-sendi berkenaan adalah ditolak dan diharamkan oleh Islam. Salah satu perkara yang diharamkan atas asas tersebut ialah meminum arak.

Perbuatan meminum arak bukan sahaja merosakkan sebahagian daripada sendi-sendi yang enam itu, bahkan ia memusnahkan kesemua sendi-sendi tersebut. Ini berpunca dari hilangnya akal serta pertimbangan akibat daripada meminum arak. Apabila sudah dalam pengaruh arak, kesucian agama akan dinodai, nasab keturunan akan tercemar, harta benda akan rosak, dan nama baik, maruah serta nyawa akan tergedai dan terancam. Ini belum termasuk lagi segala penyakit-penyakit kronik dan merbahaya yang cukup sinonim dengan peminum arak seperti penyakit jantung, kanser dan sebagainya.

### Hukum Arak Dan Meminum Arak

Tidak ada khilaf antara ulama bahawa meminum arak itu hukumnya haram dan merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar. Pengharaman arak adalah sesuatu yang diketahui umum (*Ma'lum min ad-din bi adh-dharurah*) dan ianya sabit berdasarkan al-Qur'an, Sunnah dan ijma'.

Firman Allah *Ta'ala* dalam Surah al-Ma'idah ayat 90 dan 91:

**Tafsirnya:** "Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji dari perbuatan syaitan. Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan) (90).

Sesungguhnya syaitan itu mahu menimbulkan permusuhan dan kebencian di antara kamu dengan sebab (meminum) arak dan (bermain) judi dan menghalangi kamu

daripada mengingati Allah dan mengerjakan sembahyang, maka tidakkah kamu mahu berhenti (daripada melakukan perbuatan keji itu)? (91)". (Surah al-Ma'idah: 90-91)

Imam Abu Bakar ar-Razi *Rahimahullah* berkata dalam *Ahkam al-Qur'an* bahawa pengharaman arak itu difahami atau diistinbat melalui ayat di atas tadi atas dasar-dasar berikut:

1. Gelaran (keji) ke atasnya yang menyerupai gelaran (keji) pada daging babi.

2. Ia perbuatan syaitan. Maka apa sahaja yang tergolong dalam perbuatan syaitan adalah diharamkan.

3. Perintah wajib untuk menjauhinya. Maka segala apa yang wajib dijauhi adalah haram dilakukan.

4. Kejayaan yang dijanjikan apabila melaksanakan perintah menjauhi arak.

5. Meminum arak mencetuskan permusuhan dan kebencian antara kaum muslimin.

6. Ia menjauhkan dan menghalang daripada mengingati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan ibadat sambahyang.

Dalil pengharaman arak daripada Sunnah pula antaranya hadits yang diriwayatkan daripada Aisyah *Radhiallahu 'anha*, bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

**Maksudnya:** "Tiap-tiap minuman yang memabukkan, maka ia adalah haram".

(Hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)


Dalam Shahih Muslim pula, Ibnu Umar *Radhiallahu 'anhuma* meriwayatkan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

**Maksudnya:** "Setiap yang memabukkan itu *khamar*, dan setiap yang memabukkan itu *haram*". (Hadits riwayat Imam Muslim)

Hadits di atas menjelaskan kepada kita bahawa istilah '*khamar*' itu merangkumi segala jenis minuman yang memabukkan. Imam Ibnu Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya *Tuhfah al-Muhtaj* menyatakan bahawa setiap cecair yang memabukkan itu termasuklah jenis *khamar* dan segala jenisnya sama ada yang diperbuat daripada anggur atau *nabiz* yang diperbuat selain daripada anggur.

Jadi apapun nama, jenis atau gelaran yang diberikan kepadanya, *beer*, *whisky*, *champagne*, *brandy*, atau apa-apa sahaja pun, selama mana ianya adalah jenis minuman yang memabukkan, maka hukumnya adalah haram.

Orang yang meminum arak dihukumkan *fasiq* dan dilaknat oleh Allah *Subhanahu*



wa *Ta'ala* serta Rasul-Nya. Shinggakan Abdullah bin 'Amr *Radhiallahu 'anhuma* melarang daripada memberi salam ke atas peminum arak.

Adapun jika dia mengingkari keharaman arak dan mengatakan bahawa meminum segala minuman yang memabukkan itu adalah halal dan tidak haram, maka dia dihukumkan sebagai murtad dan terkeluar daripada ugama Islam. Ini kerana dengan keingkarannya itu dia telah menolak dan mendustakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan RasulNya *Shallallahu 'alaihi wasallam*.

Selain haram, ia juga dihukumkan najis dalam kategori najis *mutawassithah* (pertengahan) yang perlu dibersihkan tempat yang terkena arak itu dengan membersihkannya sehingga hilang bau, rasa dan warnanya.

Meminum arak merupakan salah satu daripada dosa-dosa besar. Bukan sahaja ia satu dosa besar, malah ia turut digelar sebagai *ummu al-khaba'its* yakni ibu atau paksi segala kejahatan. Ia digelar dengan gelaran yang sedemikian kerana segala bentuk kejahatan dan keburukan terhimpun di dalamnya dengan sebab tertutupnya akal dan fikiran siapa sahaja yang meminumnya. Ini satu gelaran yang sangat tepat untuk dinisbahkan kepada arak kerana bencana pasti akan melanda peminumnya dalam kehidupan dunia dan akhirat sekiranya dia tidak bertaubat.

### Celaan Dan Janji Buruk Kepada Peminum Arak

Meminum arak satu perbuatan terketuk yang dipandang keji oleh syara'. Banyak nas-nas syara' yang mengeji dan mencela perbuatan meminum arak dengan berbagai celaan dan janji-janji buruk yang dahsyat lagi menggerunkan. Antaranya:

1. Ia salah satu dosa-dosa besar. Bahkan beberapa orang sahabat Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* seperti Abdullah bin Umar dan Abdullah bin 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* berpendapat bahawa minum arak itu

bukan sahaja salah satu daripada dosa-dosa besar, malah beliau menganggap bahawa ia merupakan dosa besar yang paling besar.

2. Meminum arak diumpamakan seperti melakukan syirik. Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma* menceritakan bahawasanya apabila disyariatkan pengharaman arak, para sahabat pun berkata: "Telah diharamkan arak, dan dijadikan (perlakuan minum arak itu) sama seperti perlakuan syirik (menyekutukan Allah)".

3. Kekal dalam neraka dan tidak akan masuk ke dalam syurga selama-lamanya.

Imam al-Bukhari dan Imam Muslim *Rahimahumullah* meriwayatkan dalam Shahih mereka bahawasanya Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* telah meriwayatkan bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* telah bersabda:

**Maksudnya:** "Barangsiapa yang minum *khamar* di dunia lalu dia tidak bertaubat daripadanya, diharamkan (ke atasnya meminum) *khamar* pada hari akhirat." (Hadits riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim)

*Khamar* di akhirat bukanlah sepertimana *khamar* di dunia yang bersifat jijik, kotor, menghilangkan akal serta merbahaya. Adapun sifat *khamar* minuman ahli syurga itu ada disebutkan dalam al-Qur'an sebagaimana firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dalam Surah ash-Shaafa'at ayat 46 dan 47, firman-Nya:

**Tafsirnya:** "(Warnanya) putih bersih lagi lazat rasanya bagi orang-orang yang meminumnya (46)

Tidak ada di dalamnya (unsur) yang memabukkan dan mereka tidak mabuk kerananya (47)." (Surah ash-Shaafa'at: 46, 47)

Menurut Imam al-Khatthabi *Rahimahullah*, maksud diharamkan ke atas peminum arak yang tidak bertaubat daripada meminum *khamar* di hari akhirat itu ialah dia tidak akan masuk syurga kerana *khamar* itu adalah minuman ahli syurga. Maka apabila minuman ahli syurga itu diharamkan ke atasnya, ini membawa maksud bahawa dia tidak akan memasuki syurga.

Imam Ibnu Abdilbarr *Rahimahullah* berkata: "Ini janji buruk yang menunjukkan pengharaman untuk memasuki syurga (bagi peminum arak yang tidak bertaubat)".

Imam Ibnu Hajar al-'Asqalani *Rahimahullah* pula berkata: "Janji buruk ini merangkumi semua peminum arak walaupun dia tidak mabuk (setelah meminumnya)".

Ini adalah selama mana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* tidak memaafkannya dan tidak mengurniakan pengampunan ke atasnya.

**BERSAMBUNG**



DALAM Al-Qur'an, Allah *Subhanahu Wata'ala* menceritakan banyak tamadun manusia yang dimusnahkan oleh Nya melalui bencana alam. Antaranya kaum Nabi Nuh dimusnahkan dengan banjir, kaum Nabi Luth dimusnahkan dengan gempa bumi dan kaum 'Aad dimusnahkan dengan rebut taufan tujuh hari tujuh malam. Jelasnya, bencana alam yang memusnahkan kaum-kaum tersebut adalah kerana hukuman Allah *Subhanahu Wata'ala* atas kekufuran dan kemungkaran mereka.

Dalam surah Al-Ankabut ayat 40 Allah *Subhanahu Wata'ala* berfirman yang bermaksud:

"Maka masing-masing (mereka itu) Kami binasakan disebabkan dosa mereka. Maka antara mereka ada yang Kami hantarkan angin ribut yang mengandungi batu-batu kecil (yang

# Di sebalik kejadian bencana

membinasakan), dan antara mereka ada yang dibinasakan oleh satu tempikan suara yang kuat, dan antara mereka ada yang Kami tenggelamkan. Dan Allah sekali-kali tidak menganiaya mereka tetapi merekalah yang menganiaya diri mereka sendiri."

Peringatan ayat Allah *Subhanahu Wata'ala* tersebut hendaknya menjadi pelajaran dan pengajaran bagi kita bahawa akibat daripada kekufuran yang dilakukan, akan menjadi penyebab datangnya kemurkaan Allah. Ketahuilah bahawa setiap bencana yang menimpa manusia mempunyai tiga pengajaran yang berbeza. Bagi mereka yang terselamat daripada bencana, maka bencana yang menimpa orang lain merupakan peringatan bentuk kasih sayang dari Allah agar mereka kembali pada jalanNya. Sedangkan bagi orang yang tidak beriman, maka bencana yang menimpa merupakan azab dan seksa dari Allah yang disebabkan oleh kekufuran terhadap perintah Allah dan rasulNya. Dengan bencana juga, Allah hendak menunjukkan kepadamanusia antara orang yang benar keimanannya dan

orang yang munafiq.

Menyadari bencana alam sebagai hak mutlak Allah *Subhanahu Wata'ala* yang tidak diduga, maka kesedaran tentang peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam mengurus dan mengurangkan kesan bencana alam perlu dilakukan.

Maka insafilah peringatan Allah *Subhanahu Wata'ala* sepertimana dalam surah *Ar Rum* ayat 41 yang bermaksud:

"Telah nampak berbagai-bagai kerosakan di darat dan di laut disebabkan apa yang dilakukan oleh tangan-tangan manusia kerana Allah hendak merasakan kepada mereka sebahagian daripada (akibat) perbuatan-perbuatan (buruk) yang mereka telah kerjakan supaya mereka kembali (bertaubat)."

Oleh itu, dari kejadian bencana yang menimpa boleh membangkitkan rasa insaf di dalam diri kita sebagai makhluk Allah yang lemah. Insaf bahawa bencana-bencana itu berlaku untuk membawa peringatan kepada kita akan kebesaran Allah *Subhanahu Wata'ala*.

**KETAHUILAH bahawa setiap bencana yang menimpa manusia mempunyai tiga pengajaran yang berbeza. Bagi mereka yang terselamat daripada bencana, maka bencana yang menimpa orang lain merupakan peringatan bentuk kasih sayang dari Allah agar mereka kembali pada jalanNya. Sedangkan bagi orang yang tidak beriman, maka bencana yang menimpa merupakan azab dan seksa dari Allah yang disebabkan oleh kekufuran terhadap perintah Allah dan rasul-Nya.**

# WTO berperanan memastikan globalisasi yang adil



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan ketika bersabda di Sesi Plenari Persidangan Menteri-Menteri WTO Ke-8 pada 16 Disember 2011 di Geneva, Switzerland.

**P**ERTUBUHAN Perdagangan Dunia (World Trade Organization-WTO) ditubuhkan untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa yang bermatlamatkan bagi memperkembangkan perdagangan bebas antarabangsa dengan cara memperkuat undang-undang perdagangan antarabangsa dan mengurangkan cukai perdagangan serta menghapuskan 'halangan perdagangan'.

Penubuhan WTO sebagai agensi khas dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang berperanan untuk memastikan kelancaran perjalanan perdagangan bagi menggantikan Perjanjian Am Tarif dan Perdagangan (General Agreement on Tariffs and Trade-GATT).

Kuasa WTO telah berkembang menjadi besar sehingga perjanjian dalam pertubuhan tersebut (yang menjadi undang-undang perdagangan antarabangsa) merangkumi semua aspek berkaitan dengan perdagangan termasuk pertanian, barangan tekstil, semua bidang perkhidmatan (kewangan, telekomunikasi, pelancongan, pengangkutan, pendidikan, kebudayaan, bekalan air, perkhidmatan pos, penjagaan warga tua, kesihatan dan lain-lain), harta intelektual dan sebagainya.

Segala pelaburan yang berkaitan dengan perdagangan, yang ada bayaran adalah di bawah bidang kuasa WTO.

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB WTO

Antara tugas dan tanggungjawab WTO adalah untuk mentadbir perjanjian



Rencana oleh :  
**Dk. Vivv Malessa**  
**Pg. Ibrahim**  
dari Bali,  
Republik Indonesia  
Foto :  
Jabatan Penerangan



perdagangan WTO dan sebagai forum untuk rundingan perdagangan, di samping mengendalikan pertikaian perdagangan dan memantau dasar-dasar perdagangan negara.

WTO juga memberi bantuan teknikal dan latihan kepada negara-negara membangun dan saling bekerjasama dengan organisasi-organisasi antarabangsa yang lainnya.

## AHLI ANGGOTA WTO

WTO kini mempunyai keahlian anggota sejumlah 159 pada 2 Mac 2013.

Negara Brunei Darussalam menjadi ahli anggota pertubuhan pada 1 Januari 1995 serentak penubuhan pertubuhan berkenaan. Negara-negara yang baru diterima menjadi anggota WTO ialah Republik Demokratik Rakyat Lao pada 2 Februari dan Tajikistan pada 2 Mac tahun ini.

Sementara itu dalam memetik sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan dalam sabda semasa Sesi Plenari Persidangan Menteri-Menteri WTO Ke-8 di Pusat Persidangan Antarabangsa Geneva, Switzerland, pada 16 Disember 2011, menekankan akan kepentingan institusi-

institusi seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dalam memastikan globalisasi yang adil.

DYTM juga bersabda bahawa Perubahan-perubahan dalam semua hal ehwal antarabangsa dua tahun kebelakangan ini, akan dapat membawa kepada pendekatan-pendekatan baru bagi menyelesaikan Pusingan Pembangunan Doha dalam perundingan perdagangan.

## PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI WTO

Badan yang membuat keputusan yang paling tinggi dalam WTO ialah Persidangan Menteri-Menteri, yang diadakan setiap dua tahun, yang mana ianya mengumpulkan semua ahli-ahli WTO dan menyatukan semua negara-negara kesatuan kastam yang membolehkannya mengambil keputusan terhadap semua perkara-perkara dalam mana-mana perjanjian perdagangan pelbagai hala.

## WTO MC Ke-9

WTO MC Ke-9 bermula kelmarin 3 hingga 6 Disember 2013 di Bali, Republik Indonesia, antara lainnya yang tertumpu kepada perbincangan mengenai cadangan terkini bagi melaksanakan Rundingan Doha, dalam usaha meliberalisasi perdagangan dunia.

Pada 7 Oktober 2013 di Bali, republik berkenaan semasa Sesi Retreat Pertama Mesyuarat Ketua-ketua Ekonomi APEC Ke-21 yang lalu, para pemimpin APEC telah menyuarakan harapan untuk merealisasikan pakej terhad dalam Rundingan Doha yang meliputi kemudahan perdagangan, beberapa elemen pertanian dan isu pembangunan serta cadangan-cadangan yang akan dibincangkan pada Mesyuarat WTO MC9.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan duduk bersama-sama dengan Menteri-Menteri Perdagangan ASEAN pada Majlis Sesi Pembukaan Persidangan Menteri-Menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia Ke-8.

# Bantu mangsa taufan di Filipina

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

**KUALA BELAIT,** Jumaat, 15 November. - Orang ramai di negara ini begitu prihatin terhadap mangsa bencana alam Taufan Haiyan di Filipina dengan menghulurkan sumbangan barangan kepada para mangsa terbahit.

Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Belait, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan hari ini menerima lebih banyak sumbangan berupa barangan daripada orang ramai untuk para mangsa berkenaan.

Pusat penerimaan sumbangan barangan mula beroperasi kelmarin hingga 28 November ini selama dua minggu di Kompleks Sukan Mumong, di sini.

Waktu penerimaan sumbangan dan penghantaran barang-barang

mulai pukul 8.00 pagi hingga 5.00 petang. Barang-barang yang telah dikemaskan atau dirapikan akan dihantar ke Gym Tentera Laut di Muara.

Sumbangan barangan utama yang hanya dapat diterima berbentuk barangan seperti air bersih, beras, makanan dalam tin, makanan kering, susu untuk anak damit, pakaian, selimut, tuala, *family kits* seperti berus gigi, ubat gigi, sabun, syampo, tuala wanita, lampin pakai buang untuk kanak-kanak, selipar dan lain-lain dan pakaian terpakai.

Kelmarin sahaja, sebanyak tujuh kotak besar berisi pakaian, makanan kering dan air mineral sumbangan orang ramai telah dihantar ke Gym Tentera Laut di Muara. Penghantaran dibantu oleh Tentera Darat Diraja Brunei (TDDB) Batalion Ke-3, Lumut

yang diketuai oleh Kapten Hazrul.

Salah seorang petugas memberitahu antara barang-barang yang paling diperlukan oleh para mangsa seperti selimut, pakaian dalam wanita dan *family kits* seperti tuala wanita dan lampin pakai buang untuk kanak-kanak.

Di samping menerima sumbangan barangan, orang ramai yang hendak menderma wang tunai untuk membantu para mangsa bolehlah menderma kepada tabung yang disediakan di Kompleks Sukan Mumong.

Sementara itu, pusat-pusat sumbangan juga turut sama disediakan di setiap daerah dan orang ramai yang hendak memberi sumbangan bolehlah menghantar ke pusat-pusat berkenaan seperti di Daerah Brunei Muara iaitu di Dewan Serbaguna, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkihah dan Pusat Belia, Bandar



PARA petugas dan orang ramai semasa sama-sama membungkus pelbagai sumbangan seperti makanan dan pelbagai kelengkapan untuk mangsa bencana alam Taufan Haiyan di Filipina.

Seri Begawan.

Manakala di Daerah Belait pula ialah di Dewan Kompleks Sukan Mumong dan di Daerah Tutong

iaitu di Dewan Kompleks Sukan Tutong serta Daerah Temburong pula di Ruang Legar Kompleks Bumiputera Pekan Bangar.

# Berangkat ke Majlis Tamat Latihan PKBN

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Hj Ahmad

Foto : Ampuan Haji Mahmud Ampuan Haji Tengah,  
Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali, Pg. Amirulnizam Pg. Haji Mohd. Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 2 Disember. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama di Kem Latihan PKBN, Kompleks Perkampungan Sukan, Berakas.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Padang Kawad Kem Latihan PKBN dijunjung oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Seri Setia Awang Haji Hazair bin Haji Abdullah.

Juga menjunjung, Menteri Kewangan II (Kedua) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Rahman bin Haji Ibrahim; Menteri Tenaga di JPM, Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (B) Dato Seri Setia (Dr.) Awang Haji Mohammad Yasmin bin Haji Umar; Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Datin Paduka Dayang Hajah Adina binti Othman dan Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Hamid bin Haji Mohd. Jaafar dan Awang Haji Mohd. Rozan bin Dato Paduka Haji Mohd. Yunus.

Sejurus keberangkatan, Kebawah DYMM berkenan menerima Hormat Diraja dan memeriksa barisan Kawalan Pertama, Kawalan Kedua dan Kawalan Ketiga PKBN Pengambilan Pertama.

PKBN yang berlangsung selama tiga bulan itu melibatkan seramai 125 pelatih daripada 92 belia lelaki dan 33 belia perempuan berumur antara 16 dan 21 tahun.

Pada Majlis Tamat Latihan PKBN ini, seramai enam pelatih telah dikurniakan anugerah.

Baginda berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah tersebut.

Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan ialah Awang Muhammad Said Nazrul bin Haji Mohammad Salleh, manakala Dayang Mahanie binti Idris adalah merupakan Pelatih Terbaik Keseluruhan Wanita.

Pelatih Lelaki Terbaik Kawad diberikan kepada Awang Muhammad Mu'iz bin Haji Muhiin dan Pelatih Perempuan Terbaik Kawad diberikan kepada Dayang Nur Hamidah binti Hasnadi.

Sementara Awang Md. Jazli bin Ahmad dianugerahkan Pelatih Lelaki Terbaik Latihan Jasmani dan Dayang Nur Liyana binti Mohammad dianugerahkan Pelatih Perempuan Terbaik Latihan Jasmani.

Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Unit Keugamaan PKBN, Ustaz Haji Abdul Afiq bin Zainuddin.

Di Kem Latihan Perkampungan Sukan baginda berkenan menyaksikan Pameran Tiga Projek Rintis PKBN yang menumpukan kurikulum, program dan latihan.

Baginda juga berkenan menyaksikan salah satu program PKBN iaitu seni memanah yang melatih daya konsentrasi para belia dan membangun ciri-ciri kekuatan mental dan fizikal.

Pelaksanaan PKBN dititahkan oleh KDYMM pada Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-6 Tahun 2011.

PKBN merupakan satu program nasional pembentukan belia melalui proses pendidikan, pembinaan jati diri dan latihan disiplin dan fizikal.

Program yang berpandu dan berteraskan kepada konsep Melayu Islam Beraja itu bertujuan untuk mewujudkan belia Brunei yang cemerlang selaras dengan objektif Dasar Belia Negara yang akan dapat melahirkan belia yang beriman, bertakwa dan bertanggungjawab, cekal, cergas, cerdas, berkeyakinan diri dan bersedia untuk berbakti kepada keluarga, nusa, agama, raja, bangsa dan negara.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima tabik hormat diraja pada Majlis Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama di Kem Latihan PKBN, Kompleks Perkampungan Sukan, Berakas (atas). Sementara gambar bawah baginda berkenan menandatangani buku lawatan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menyempurnakan pengurniaan anugerah Pelatih Lelaki Terbaik Keseluruhan kepada Awang Muhammad Said Nazrul bin Haji Mohammad Salleh (kiri) dan Pelatih Terbaik Keseluruhan Wanita kepada Dayang Mahanie binti Idris (kanan).



BAGINDA berkenan menyaksikan salah satu program PKBN iaitu seni memanah yang melatih daya konsentrasi para belia dan membangun ciri-ciri kekuatan mental dan fizikal.



BAGINDA berkenan berbual mesra bersama para pelatih Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama di kalangan para belia perempuan yang berusia 16 - 21 tahun (kiri). Sementara gambar kanan baginda berkenan beramah mesra bersama enam pelatih yang telah dikurniakan anugerah. Juga kelihatan ialah Yang Berhormat Menteri KKBS dan Yang Mulia, Timbalan Menteri KKBS.



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bergambar ramai bersama seramai 125 pelatih daripada 92 belia lelaki dan 33 belia perempuan berumur antara 16 dan 21 tahun yang menamatkan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama di Kem Latihan PKBN, Kompleks Perkampungan Sukan, Berakas.

## Belia berhadapan cabaran globalisasi

Oleh : Abu Bakar Haji Abdul Rahman



KEBAWAH DYMM Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama.

### PKBN capai sasaran

Dari muka 1

Titah baginda, pada keseluruhannya baginda turut gembira mengetahui bahawa program pembangunan belia tersebut telah mencapai sasarannya dan berharap dengan tertubuhnya sebuah pusat dan Kem Latihan PKBN di Batu Apoi, Daerah Temburong nanti akan dapat menerima lebih ramai lagi kemasukan para pelatih yang dianggarkan kira-kira 700 orang pada setiap satu pengambilan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, orang ramai khususnya para ibu bapa dan belia diharapkan akan terus memberikan sambutan dan sokongan kuat lagi padu bagi memenuhi hasrat kerajaan baginda untuk melahirkan belia-belia cemerlang, dinamik dan progresif, yang berbakti kepada raja, bangsa, ugama dan negara.

Dalam titah tersebut baginda juga melahirkan ingin melihat bekas-bekas pelatih yang sekarang ini berjumlah hampir 500 orang akan terus dapat memainkan peranan mereka di dalam masyarakat.

Untuk itu baginda mengalu-alukan cadangan penubuhan sebuah Persatuan Alumni Pelatih PKBN yang akan menjadi platform bagi bekas pelatih untuk terus menabur jasa dan bakti.

Di akhir titah baginda mengucapkan syabas kepada para pelatih yang telah menamatkan latihan mereka dan baginda berharap agar mereka akan memainkan peranan sebagai *role model* dan menjadi perangsang atau pembakar semangat kepada belia lain untuk menyertai program tersebut di sisi pengambilan akan datang.

Apabila ia tidak ditangani dengan baik bukan saja akan melalaikan malah juga boleh melemahkan para belia.

Belia selaku aset negara janganlah terperangkap dengan perkara-perkara yang merugikan lebih-lebih lagi merugikan negara.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Program Khidmat Bakti Negara (PKBN) Pengambilan Pertama yang diadakan di Padang Perbarisan Kem Latihan Perkampungan Sukan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, di sini.

Menurut titah baginda, berdasarkan kajian yang dikendalikan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD) dan Pusat Pengkajian Dasar dan Strategik (CSPS) baru-baru ini mendapati beberapa masalah sosial

di kalangan belia dalam lingkungan umur antara 15 ke 26 tahun telah dikenal pasti.

"Di antara kategori masalah tersebut yang memerlukan perhatian serius ialah perlakuan ganas (violence), gangguan awam, ponteng sekolah, buli dan penderaan", titah baginda.

Baginda menekankan walaupun masalah ini belum di tahap kritikal tidak seperti yang telah dialami oleh sebahagian negara luar namun ianya tetap membimbangkan kerana sifat penyakit ia boleh melarat atau menjangkit pada bila-bila masa sahaja.

"Negara, perlu ada pendekatan atau cara untuk membendungnya. Di antara cara itu ialah melalui PKBN yang telah diperkenalkan," titah baginda.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah melalui PKBN ini kesedaran dan kefahaman akan dapat ditingkatkan di kalangan para belia kerana mereka akan menjadi tonggak harapan dan cita-cita kita bersama.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, baginda menyatakan program tersebut telah berupaya untuk membawa perubahan positif kepada para pelatih sekalipun masa yang diperuntukkan untuk mempelajari banyak perkara adalah sangat pendek, cuma tiga bulan sahaja.

Ini jelas baginda menunjukkan betapa para pelatih itu adalah mempunyai kesungguhan dan kemampuan untuk maju.



KEBAWAH DYMM berkenan menerima Hormat Diraja dan memeriksa barisan Kawalan Pertama, Kawalan Kedua dan Kawalan Ketiga PKBN Pengambilan Pertama.



IKLAN JAWATAN - JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7 (A)  
DARIPADA PERATURAN - PERATURAN PEGAWAI - PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN - LANTIKAN DAN KENAIKAN PANGKAT)  
AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM.

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI - PEGAWAI KAKITANGAN YANG SEDANG BERKHIDMAT  
DALAM PERKHIDMATAN AWAM.

TARIKH IKLAN: 27 NOVEMBER 2013. TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 11 DISEMBER 2013. BILANGAN IKLAN:45/11/13 (SPA/BIKL)

### PERATURAN 7 (a)

#### Syarat-Syarat Am :

- PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian Ugama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di negara ini.
- Cara permohonan - Rujuk di ruang **PEMBERITAHUAN**.

**1. PEGAWAI KAJI MATA  
JABATAN PERKHIDMATAN PERUBATAN  
KEMENTERIAN KESIHATAN  
M.13-14 EB.15 (\$2,300 - \$4,220 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

#### KELAYAKAN MINIMUM:

- Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Ophthalmic Optics, Optometry atau bidang bersesuaian.
- Mempunyai *Postgraduate Diploma in Optometry, Membership of College of Optometry (M[ptom] British)* atau yang sebanding adalah kelebihan.

#### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI KAJI MATA:

- Memeriksa mata bagi pesakit yang mempunyai masalah penglihatan.
- Menyediakan 'Prescription' bagi penggunaan kacamata, kanta lensa atau *Low Visual Aids* bagi pesakit yang kurang penglihatan.
- Bersedia untuk bertugas secara tetap di lain daerah selain daripada Daerah Brunei Muara.
- Bersedia bertugas membantu pakar mata dalam memberi perkhidmatan mata kepada orang ramai.
- Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh Pegawai atasan dari semasa ke semasa.

**2. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II  
JABATAN PENTADBIRAN DAN  
PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN  
B.2 EB.3 (\$2,270 - \$4,240 SEBULAN) ATAU  
B.2 (\$2,270 - \$3,760 SEBULAN)  
KEKOSONGAN=1**

#### KELAYAKAN MINIMUM:

- TANGGAGAJI B.2 EB.3:  
Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran / Teknologi Maklumat / Hubungan Antarabangsa / Perhubungan Awam / Kewangan / Ekonomi atau bidang yang bersesuaian.
- TANGGAGAJI B.2  
i. BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi  
banding dalam bidang Pengurusan / Pentadbiran / Teknologi Maklumat / Hubungan Antarabangsa / Perhubungan Awam / Kewangan / Ekonomi atau bidang bersesuaian serta sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

#### ATAU

- Sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.3 tidak kurang dari 7 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan.

#### TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II:

##### Di Bahagian Kemudahan-Kemudahan

- Mengetuai Unit Pemeliharaan Padang dan Kawasan (UPPK).
- Menyemak dan menyediakan laporan baki peruntukan serta menyediakan rancangan perbelanjaan tahunan bagi peruntukan tahunan.
- Mengawal, menyusun dan menyelia tugas serta tanggungjawab kakitangan UPPK.
5. Sebut harga mestilah dihantar dengan menggunakan borang **TF1** yang telah disediakan. Jumlah harga tawaran hendaklah

dicatat / ditulis dengan betul dan jelas demi mengelakkan sebut harga tidak akan dilayan. Borang yang ditawarkan hendaklah menepati kehendak spesifikasi seperti dinyatakan dalam **TS 1-TS 4**

6. Sebut harga hendaklah sah sehingga 120 hari dari tarikh tutup sebut harga.

7. Penender hendaklah menyertakan Salinan Sijil Pendaftaran yang menyenaraikan butir-butir syarikat berkenaan berserta salinan Kad Pintar atau Pasport pemilik.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran yang tidak munasabah.



**JABATAN PENERBANGAN AWAM  
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

1. TAWARAN adalah dibukakan kepada kontraktor yang berdaftar dalam Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal, Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas I, II, III, IV, V & VI, Sijil Pendaftaran Section 16 & 17 atau Kategori Elektrikal (E).

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/-pembekal/pemborong (sealed), ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan di hantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen tawaran.

**Tajuk Tawaran 1 :  
Pembaikan Dan Membekal Alat Ganti  
Kenderaan Sweeper Jabatan Penerbangan  
Awam BG4903  
Bilangan Tawaran :  
AME/2013-2014/SH-11/S.2**

**Tajuk Tawaran 2 :**

**Kontrak Bermusim Kerja-Kerja Pengendalian  
Pembuangan dan Pengutipan Sampah Di  
Kawasan-Kawasan Pembuangan Sampah  
Jabatan Penerbangan Awam Bagi Tempoh 2  
Tahun (24 Bulan)  
Bilangan Tawaran :  
AME/2013-2014/SH-11/29**

**Tarikh iklan/mengambil dokumen tawaran :  
Bermula 27 November 2013  
Hari Isnin  
Tarikh terakhir mengambil  
dokumen tawaran :  
Tidak lewat jam 2.00 petang,  
17 Disember 2013 hari Selasa  
Tarikh tutup tawaran pada :  
Hingga jam 2.00 petang,  
18 Disember 2013 Hari Rabu**

**Kepada;  
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga**

**d/a Bangunan Terminal Tingkat 2,  
Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei  
Jabatan Penerbangan Awam  
Kementerian Perhubungan  
Negara Brunei Darussalam**

3. Tawaran-tawaran hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga, Jabatan Penerbangan Awam **tidak lewat jam 2.00 petang, pada hari Rabu, 18 Disember 2013.** Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Tawaran (retender), syarikat yang **pernah membeli dokumen projek** hendaklah membawa bersama pembayaran yuran tawaran telah dibuat dengan menunjukkan resit pembayaran yuran semasa waktu-waktu bekerja biasa.

5. Iklan tawaran bolehlah dilihat melalui lama website <http://www.civil-aviation.gov.bn>.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen-dokumen dari Bahagian Kewangan, Tingkat Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar **Yuran Dokumen sebanyak BND10 (Hardcopy)** - tidak dikembalikan bagi setiap tawaran dan pembayaran tawaran diterima pada

waktu bekerja seperti berikut:

**Hari Isnin hingga Khamis :  
8.00 - 11.00 pagi  
2.00 - 3.30 petang  
Hari Sabtu :  
8.00 - 10.00 pagi**

7. Yuran tawaran tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

9. Sesi taklimat tawaran (briefing) atau/dan lawatan tapak (site visit) bagi tawaran akan diadakan seperti berikut:

**Pada : 10 Disember 2013 - Hari Selasa  
Jam : 8.30 hingga 11.30 pagi  
1.45 hingga 3.30 petang**

**Tempat Berkumpul : Dewan Serbaguna,  
Bangunan Kejuruteraan dan Pemeliharaan,  
Jabatan Penerbangan Awam,  
Negara Brunei Darussalam**



**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**PUSAT PEMBANGUNAN BELIA  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN**

**KENYATAAN TAWARAN**

**PEMBELIAN, PENGHANTARAN  
DAN PEMASANGAN PERALATAN  
KOMPUTER BAGI KURSUS ASAS  
KEMAHIRAN TEKNOLOGI  
INFORMASI DAN KOMUNIKASI  
DI PUSAT PEMBANGUNAN BELIA,  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,  
BELIA DAN SUKAN, JALAN UTAMA  
TANAH JAMBU, NEGARA BRUNEI  
DARUSSALAM.**

**BIL. TAWARAN:  
11/2013/KKBS/PPB/08**

1. TAWARAN dibukakan kepada Syarikat-Syarikat / Pemborong-Pemborong yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan mempunyai pengalaman serta

berkemahiran bagi pembekalan dan penyelenggaraan komputer sekurang-kurangnya 5 tahun.

2. Tawaran hendaklah dihadapkan dalam sampul surat yang tertutup rapi ('sealed') dengan menyatakan bilangan dan tajuk tawaran berkenaan tanpa menyatakan nama penender dengan ditujukan kepada **Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan BS8110, Negara Brunei Darussalam** dan dihantar ke alamat di para tiga (3) menurut arahan yang dinyatakan di dalam Dokumen Tawaran.

3. Tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan di:

**Tingkat 1, Ruang Masuk/Penyambut  
Tetamu  
(Depan kaunter sekuriti)  
Bangunan Kementerian Kebudayaan,  
Belia Dan Sukan  
Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan,  
BS8110  
Negara Brunei Darussalam.**

**Tidak lewat jam 2.00 petang hari Selasa,  
17 Disember 2013.**

4. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 16 Disember 2013, jam 3.00 petang.**

6. Yuran Tawaran adalah **\$10.00 (B\$: Sepuluh Ringgit)** sahaja dan tidak akan dikembalikan kepada setiap syarikat/pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang sah ('bona-fide tender').

7. Dokumen tawaran boleh diperolehi daripada **Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Simpang 336-17, Jalan Kebangsaan, Negara Brunei Darussalam** semasa hari/waktu bekerja.

8. Sebelum dokumen tawaran dikeluarkan, setiap Syarikat/Pemborong yang mengambil bahagian adalah dikehendaki untuk membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa Syarikat/Pemborong adalah di dalam kelas dan kategori kerja yang ditetapkan serta (Business Enactment Section 16 dan 17) dan dikehendaki membayar

yuran tawaran dengan kadar yang telah ditetapkan.

9. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Borang tawaran dan borang pengakuan penender hendaklah diisikan dengan penuh. Penender yang menghantar tawaran yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan untuk penilaian.

10. Penender mestilah menurunkan tandatangan 'initial' pada setiap mukasurat dimana maklumat telah diisikan oleh penender.

11. Penender bolehlah berhubung dan membuat lawatan ke tapak projek bagi mendapatkan penerangan lanjut daripada:

**Penolong Pegawai Kerja Tingkat 1  
Pusat Pembangunan Belia  
Kementerian Kebudayaan, Belia dan  
Sukan**

**Jalan Utama Tanah Jambu  
Negara Brunei Darussalam.**

**Telefon: 2393681/2/3 Ext.705**

12. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.



## KEMENTERIAN PERTAHANAN

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

No. Tawaran:

JPPK /LTK/ 37/2013

Tajuk Tawaran :

**PROPOSED DESIGN AND BUILD  
NEW MRS BUILDING AT PENAJONG  
GARRISON**

Bayaran Tawaran :

\$500.00 (Tidak dikembalikan)

Kelas: IV dan KE ATAS SAHAJA

Kategori: B01 &amp; KA01

Tempoh Penyediaan: SEPULUH (10)  
BULAN**Syarat-Syarat Tawaran :**

a. TAWARAN-TAWARAN hendaklah di-  
masukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga

Tawaran Kecil, Bangunan Kementerian Per-  
tahanan, Blok 'C', Jabatanarah Kewangan dan  
Perolehan, Bolkiah Garrison BB3510, Negara  
Brunei Darussalam, **tidak lewat jam 2.00  
petang, hari Selasa, 14 Januari 2013.**

Dokumen-dokumen tawaran boleh  
diperolehi dari Jabatanarah Pembangunan dan  
Perkhidmatan Kerja, Tingkat 1 Block D,  
Bangunan Kementerian Pertahanan, Bolkiah  
Garrison BB3510, Negara Brunei Darussalam  
semasa **hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat).**  
**Tarik terakhir mengambil dokumen  
tawaran pada 27 Disember 2013, hari  
Khamis jam 4.00 petang**

b. Bayaran Tawaran, Tender Fee hendaklah  
dibayar di **Bahagian Pentadbiran dan  
Kewangan Jabatanarah Kewangan dan  
Perolehan, Blok 'C', Tingkat satu Bangu-  
nan Kementerian Pertahanan, Bolkiah Ga-**

rison BB3510, Negara Brunei Darussalam.

**WAKTU BAGI MENERIMA  
BAYARAN**

ISNIN - KHAMIS :

8.00 pagi - 3.00 petang

JUMAAT : 8.00 pagi - 10.30 pagi

2.30 petang - 3.00 petang

c. Pembekal adalah dikehendaki membayar  
semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran  
seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah  
dikehendaki dan tidak akan dikembalikan ke-  
pada setiap pemborong sama ada yang berjaya  
atau yang tidak berjaya setelah menghantar  
tawaran yang jujur (*bon-fide tender*). Kadar  
Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan  
dalam iklan tawaran.

d. Kerajaan tidak terikat untuk menerima  
sebarang tawaran yang paling rendah.

e. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar  
dengan menggunakan borang-borang tawaran  
yang telah disediakan. Tawaran yang diterima

lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan  
akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (*bon-  
fide-tender*). Kadar Yuran Tawaran adalah  
seperti yang ditetapkan dalam Iklan Tawaran.

f. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan  
hendaklah disertakan bersama dengan  
menyenaikan butir-butir syarikat berkenaan  
seperti nama, nombor kad pengenalan atau  
nombor pasport pemilik.

g. Penawar yang menolak atau membatalkan  
tawaran atau kontrak setelah kebenaran  
tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran  
akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan  
garis panduan yang diberikan oleh Lembaga  
Tawaran Negara.

h. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar  
dalam sampul surat biasa dan hendaklah  
ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri  
sampul surat, hendaklah dinyatakan Rujukan  
dan Tajuk Tawaran dan catatan tarikh tutup  
tawaran itu seperti mana yang diiklankan.

i. Iklan-iklan tawaran bolehlah dilihat  
melalui laman web <http://www.mindef.gov.bn>.



## KEMENTERIAN KEWANGAN

**PEMBERITAHUAN TAWARAN  
KEMENTERIAN KEWANGAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Bilangan Tawaran :

MOF/ADM/UFB/RW/02/2013

**Tajuk Tawaran : THE DESIGN AND  
CONSTRUCTION OF NEW OFFICE  
LAYOUT FOR ADMINISTRATION  
DEPARTMENT, 15TH FLOOR,  
MINISTRY OF FINANCE BUILDING,  
COMMONWEALTH DRIVE**

Bilangan Tawaran :

MOF/ADM/UFB/RW/03-2013

**Tajuk Tawaran : THE DESIGN AND  
CONSTRUCTION OF NEW OFFICE  
LAYOUT FOR RENENUE DEPART-  
MENT, 3 FLOOR ISLAND BLOCK  
MINISTRY OF FINANCE BUILDING,  
COMMONWEALTH DRIVE**

Bilangan Tawaran :

MOF/ADM/UFB/RW/04-2013

**Tajuk Tawaran : THE DESIGN AND  
CONSTRUCTION OF NEW OFFICE  
LAYOUT FOR RENENUE DEPART-  
MENT, 3 FLOOR ISLAND BLOCK  
MINISTRY OF FINANCE BUILDING,  
COMMONWEALTH DRIVE**

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa  
daripada syarikat-syarikat dan pembekal-  
pembekal yang berdaftar di Negara Brunei  
Darussalam dan berpengalaman khusus dalam  
reka bentuk dan pembinaan ruang pejabat.

2. Dokumen-dokumen tawaran serta  
penerangan lanjut bolehlah diperolehi  
daripada Unit Fasiliti Bangunan, Bahagian  
Pentadbiran, Tingkat 15-Tower Block,  
Bangunan Kementerian Kewangan,  
Commonwealth Drive, Bandar Seri  
Begawan semasa waktu-waktu bekerja.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar ke  
alamat yang tersebut di bawah dalam sampul  
surat yang tertutup dengan ditulis bilangan dan  
nama tawaran tanpa menunjukkan identiti  
pemborong dan dialamatkan kepada :

**Pengerusi Lembaga Tawaran Negara**

**Tingkat 16, Tower Block**

**Bangunan Kementerian Kewangan**

**Commonwealth Drive,**

**Bandar Seri Begawan BB3910**

**NEGARA BRUNEI**

**DARUSSALAM**

4. Tawaran hendaklah dihantar **tidak lewat  
dari jam 2.00 petang hari Isnin, 23  
Disember 2013.** Semua Tawaran yang  
diterima lewat dari tarikh dan masa yang  
ditetapkan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang  
Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak  
semestinya menerima tawaran yang paling  
tinggi atau lain-lain tawaran.

6. Salinan sijil Pendaftaran Perniagaan  
hendaklah disertakan bersama.



**PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN  
JABATAN PERDANA MENTERI**

**BILANGAN TAWARAN:  
EGNC/PM/4.1/15.2013**

**Tawaran-tawaran adalah dipelawa bagi  
"THE SUPPLY,  
DELIVERY, INSTALLATION,  
CONFIGURATION, TESTING,  
COMMISSIONING AND MAINTENAN-  
CE OF SERVERS AND OTHER  
RELATED SERVICES FOR THE  
EXPANSION OF ONE GOVERNMENT  
PRIVATE CLOUD (OGPC)"**

**BILANGAN TAWARAN:  
EGNC/PM/4.1/16.2013**

**Tawaran-tawaran adalah dipelawa bagi  
"THE SUPPLY,  
DELIVERY, INSTALLATION,  
INTEGRATION,  
TESTING, COMMISSIONING AND  
MAINTENANCE OF STORAGE AND  
OTHER RELATED SERVICES FOR  
THE EXPANSION OF ONE  
GOVERNMENT PRIVATE CLOUD"**

**BILANGAN TAWARAN:  
EGNC/PM/4.1/17.2013**

**Tawaran-tawaran adalah dipelawa bagi  
"THE DESIGN, SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, INTEGRATION,  
TESTING, TRAINING, COMMISSIO-  
NING, AND MAINTENANCE OF NEXT**

**GENERATION FIREWALL AND OTHER  
RELATED SERVICES FOR THE  
EXPANSION OF ONE GOVERNMENT  
PRIVATE CLOUD"**

1. PEMBELI hendaklah membuat pemba-  
yaran bagi yuran tawaran yang berjumlah  
**BND50 (setiap satu tawaran)** dan seterusnya  
mendapatkan dokumen tawaran dalam  
bentuk cakera padat berjumlah **BND5 (setiap  
satu tawaran)** dari:

**SEKSYEN KEWANGAN, BAHAGIAN  
KORPORAT PUSAT KEBANGSAAN  
E-KERAJAAN, JABATAN PERDANA  
MENTERI, SIMPANG 69-18,  
JALAN E-KERAJAAN  
GADONG BE 1110  
BANDAR SERI BEGAWAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

pada SETIAP HARI ISNIN HINGGA  
KHAMIS DARI JAM 8.00 HINGGA 11.00  
PAGI SAHAJA.

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul  
surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul  
surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti  
berikut:-

**BILANGAN TAWARAN:  
EGNC/PM/4.1/15.2013**

**"THE SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, CONFIGURATION,  
TESTING, COMMISSIONING  
AND MAINTENANCE OF SERVERS  
AND OTHER RELATED SERVICES FOR  
THE EXPANSION OF ONE GOVERN-  
MENT PRIVATE CLOUD (OGPC)"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul  
surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul  
surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti  
berikut:-

**BILANGAN TAWARAN:  
EGNC/PM/4.1/16.2013**

**Tawaran-tawaran adalah dipelawa bagi  
"THE SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, INTEGRATION,  
TESTING, COMMISSIONING AND  
MAINTENANCE OF STORAGE AND  
OTHER RELATED SERVICES FOR  
THE EXPANSION OF ONE GOVERN-  
MENT PRIVATE CLOUD"**

2. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul  
surat yang tertutup. Pada bahagian atas sampul  
surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti  
berikut:-

**BILANGAN TAWARAN:  
EGNC/PM/4.1/17.2013**

**Tawaran-tawaran adalah dipelawa bagi  
"THE DESIGN, SUPPLY, DELIVERY,  
INSTALLATION, INTEGRATION,  
TESTING, TRAINING, COMMISSIO-  
NING, AND MAINTENANCE OF NEXT  
GENERATION FIREWALL AND OTHER  
RELATED SERVICES FOR THE**

**EXPANSION OF ONE GOVERNMENT  
PRIVATE CLOUD"**

tanpa menunjukkan nama syarikat  
pemborong dan sampul surat itu hendaklah  
ditujukan kepada:-

**PENGERUSI**

**LEMBAGA TAWARAN KECIL  
JABATAN PERDANA MENTERI  
JALAN MENTERI BESAR  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**tidak lewat dari jam 2.00 petang pada  
hari Selasa, 10 Disember 2013**

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha  
Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan  
Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam  
tidak semestinya terikat menerima tawaran  
yang rendah atau sebarang tawaran difikirkan  
tidak munasabah.

Sesi penerangan tawaran akan diadakan  
pada **3 Disember 2013 bertempat  
di bilik An-Nadwah, Pusat Kebangsaan  
E-Kerajaan, Simpang 69-18, Jalan  
E-Kerajaan, Gadong BE1110, Negara  
Brunei Darussalam pada jam 9.00 pagi.**

Syarikat yang berminat untuk menghadiri  
hendaklah menghadapkan tiga (3) orang  
nama wakil kepada Jabatan ini melalui  
talian nombor telefon: (673) 2424955 samb  
161 dan Fax: (673) 2424940.

Bagi sebarang pertanyaan berhubung  
dengan sesi penerangan tawaran berkenaan  
hendaklah menghubungi ke Jabatan ini melalui  
talian nombor telefon: (673) 2424955 samb  
161.



# Hijrah tingkatkan iltizam kepada Islam

Berita dan Foto : Hezlinawati Haji Abdul Karim



KETUA Unit Dakwah Daerah Temburong, Awang Hazimin bin Haji Metali menyampaikan ceramah mengenai hijrah bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH), Bangar.

TEMBURONG, Khamis, 21 November. - Ulama telah membahagikan hijrah kepada tiga bahagian iaitu Hijrah Al-Hammah, Hijrah Ad-Da'imah dan Hijrah Al-Qulub Wadhamahir.

Ketua Unit Dakwah Daerah Temburong, Awang Hazimin bin Haji Metali menjelaskan Hijrah Al-Hammah ialah Hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersama para sahabat dari Mekah Al-Mukarramah ke Madinah

Al-Munawarah yang berlaku sekali saja di dalam Islam.

Hijrah Ad-Da'imah pula, jelasnya, ialah perpindahan dari negara yang mengancam akidah seseorang Islam ke negara lain demi untuk menyelamatkan akidah dan keimanan serta mempertahankan agama.

Awang Hazimin menegaskan, hijrah tersebut bukanlah bertujuan untuk melarikan diri atau perpindahan semata-mata dari satu tempat

ke tempat yang lain, malah sebaliknya ia merupakan hijrah dan menjauhkan diri dari tempat yang penuh dengan kemusyrikan menuju ke tempat yang akan memancarkan cahaya kebenaran.

Mengenai Hijrah Al-Qulub Wadhamahir pula beliau menerangkan ianya merupakan hijrah hati, keimanan dan keyakinan dengan cara meningkatkan iltizam kepada Islam.

Semasa menyampaikan ceramah mengenai hijrah bagi penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sultan Hassan (SMSH) Bangar yang

berlangsung di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar di sini, beliau menambah dengan berusaha menyucikan hati, menambah keimanan, mendalami kefahaman mengenai Islam akan membawa kepada peningkatan ke arah keimanan, berilmu dan beramal akan terus berkembang.

Perkara itu, jelasnya, merupakan kemajuan sebenar iaitu hijrah menukar keadaan ke arah yang lebih baik dan lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan merubah keadaan agar lebih

beriman, berilmu dan berakhlak dengan ajaran Islam.

Hijrah seperti itulah, katanya, ialah yang utama dan wajib dilakukan oleh setiap individu Muslim yang mukalaf.

Ceramah merupakan salah satu aktiviti yang dilakukan selepas selesainya peperiksaan bagi penuntut Tahun 7, 8 dan 9 SMSH yang mana dengan adanya ceramah sedemikian diharap akan diambil iktibar oleh para penuntut tersebut dan diamalkan dalam kehidupan seharian demi untuk mendapatkan keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

## Hijrah ke arah dakwah dan jihad



PENGERUSI Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah bersama pegawai dan kakitangan Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria menghadiri majlis tersebut.

KUALA BELAIT, Khamis, 21 November. - Hijrah merupakan satu perubahan daripada tidak baik kepada baik, di samping itu hijrah juga membawa mesej dakwah dan jihad.

Umat Islam kena berjihad melawan musuh syaitan dan

hawa nafsu, ungkap Pensyarah Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Zulkifli bin Haji Zakaria.

"Umat Islam perlulah menguatkan iman dan aqidah bagi menolak segala perkara

yang bathil dan kepercayaan yang salah, niat hendaklah betul dan ikhlas kerana Allah dalam melakukan pekerjaan dan amal ibadat," ujar beliau.

Beliau menyatakan selaku umat Islam hendaklah sentiasa bertaubat dan meninggalkan



PARA penuntut Tahun 7, 8 & 9 SMSH yang hadir mendengarkan ceramah Hijrah dan Aqidah di Dewan Belalong, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Pekan Bangar.

Berita dan Foto : Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

maksiat dan dosa. Berazam untuk terus beribadat dan meninggalkan larangan Allah, menjadi manusia yang baik hendaklah sentiasa berubah kepada kebaikan dan sentiasa konsisten dalam beribadat kepada Allah.

Perkara tersebut antara inti pati ceramah beliau bertajuk 'Menghayati Wawasan Hijrah'

yang menekankan tentang konsep dan pengertian hijrah menurut bahasa dan istilah dalam Islam di Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah 1435 anjuran Jabatan Bandaran Kuala Belait dan Seria.

Antara yang hadir termasuk Pengerusi Lembaga Bandaran Kuala Belait dan Seria, Awang Haji Ishak bin Haji Abu Hanifah.

Majlis bertujuan bagi membarigakan hari-hari kebesaran Islam dan menambah dan memperluaskan lagi kefahaman erti hijrah kepada pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Kira-kira 150 pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan menghadiri majlis berkenaan yang diadakan di Dewan Bandaran di sini yang merupakan salah satu antara aktiviti keagamaan jabatan setiap tahun.

## Persatuan PERTIWI adakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah



MAJLIS Sambutan Awal Tahun Hijriah dihadiri oleh ahli-ahli dari keempat-empat daerah bagi memupuk perasaan silaturrahim di kalangan ahli-ahli.

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Ahad, 17 November. - Dalam menyemarakkan lagi Hari Kebesaran Islam, Persatuan PERTIWI telah mengadakan Majlis Sambutan Awal Tahun Hijriah di Dewan Sekolah Ugama Pengiran Anak Putei Mutawakkil Hayatul Bolkihah, Jalan Serusop, Berakas pada petang tadi.

Acara dimulakan dengan bacaan Surah Al Faatihah diketuai oleh Norizah binti Haji Abidin dan disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Datin Hajah Fatimah binti Dato Seri Setia Abang Haji Razali.

Majlis juga diserikan dengan persembahan tausyeh oleh Ahli-ahli Persatuan PERTIWI dari Daerah Brunei dan Muara.

Ceramah Khas disampaikan oleh penceramah

undangan dari Pusat Da'wah Islamiah, Ustazah Norizah binti Haji Abidin dengan bertemakan 'penghijrahan' dari berbagai konteks terutamanya bagi kaum wanita yang mengimpikan ciri-ciri wanita syurga.

Majlis sambutan juga diselenggarakan dengan Dikir Marhaban dan menepung tawar ahli-ahli persatuan yang telah selamat kembali dari menunaikan fardu Haji di Mekah pada tahun ini.

Majlis keagamaan ini merupakan aktiviti tahunan PERTIWI dengan mengumpulkan ahli-ahli dari keempat-empat daerah bagi sama-sama mengeratkan silaturrahim dan beramah mesra di samping pertukaran maklumat dan pemikiran dalam suatu majlis ilmu yang bermanfaat.

## Borang penyertaan sertai sambutan Maulud dibukakan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 21 November. - Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Bagi Tahun 1435 Hijriah akan diadakan serentak di seluruh negara dan acara kemuncaknya di peringkat negara ialah Perhimpunan dan Perarakan di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada hari Selasa, 12 Rabiulawal 1435 Hijriah bersamaan 14 Januari 2014 Masihi bermula pukul 7.00 pagi.

Tema sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Peringkat Negara Tahun 1435H ialah 'Rasulullah Pembawa Rahmat Sejagat'.

Sehubungan itu, Ahli Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Hari-Hari Kebesaran Islam Tahun 1435H dengan sukacita mempelawa umat Islam di negara ini untuk sama-sama ikut serta dalam sambutan itu nanti.

Pada tahun ini perhimpunan, perarakan dan perbarisan akan dipertandingkan dan dibahagikan kepada lima kategori iaitu Kategori Sekolah Rendah / Ugama/Persediaan Arab / Swasta; Kategori Sekolah Menengah / Arab / Institusi Pengajian Tinggi / Maktab / Swasta; Kategori Kementerian dan Jabatan Kerajaan; Kategori Mukim/Kampung/Majlis Perundingan Mukim/Majlis Perundingan

Kampung / Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan Kategori Persatuan-Persatuan dan Sektor Swasta.

Borang penyertaan untuk menyertainya boleh diperolehi mulai hari ini di Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Tingkat 2, Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Jalan Dewan Majlis, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam.

Borang penyertaan yang telah lengkap diisikan hendaklah dihantar kepada Urus Setia Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, Peringkat Negara Bagi Tahun 1435H, Tingkat 2, Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas, BB3910, Negara Brunei Darussalam atau e-mel: syiar.islam@mora.gov.bn.

Tarikh tutup pendaftaran ialah pada hari Khamis, 1 Rabiulawal 1435H bersamaan 2 Januari 2014M, pukul 4.00 petang.

Sementara itu, borang penyertaan bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong bolehlah diperolehi di Pejabat Hal Ehwal Ugama daerah masing-masing dan mengembalikannya ke pejabat yang sama.

Keterangan lanjut mengenai ini bolehlah menghubungi Bahagian Kemajuan Syi'ar Islam, Tingkat 2, KHEU, Jalan Dewan Majlis, Berakas di talian 2382525 atau faksimile 2382351.

# ATLET NEGARA SEDIA BERSAING

Temu bual dan Foto :  
Samle Haji Jait



**PB: Negara tahun ini hanya menyertai 10 acara, dari sudut manakah penilaian penyertaan Negara Brunei Darussalam pada kejohanan Sukan SEA Ke-27 Myanmar.**

**Ketua Kontinjen:**

Pemilihan kesepuluh sukan yang disertai pada tahun ini adalah hasil daripada penilaian yang dibuat oleh Jawatankuasa Tertinggi Penilaian dan Pemilihan Atlet Kebangsaan berdasarkan kepada kriteria khusus dan juga prestasi yang cemerlang di beberapa tahun kebelakangan. Ini dapat dilihat daripada pencapaian para atlet semasa mereka menyertai kejohanan di peringkat serantau dan antrabangsa. Sebagai contoh:

**a) Wushu :**

Pasangan adik-beradik iaitu Mohd. Sufi Shayiran bin Roslan dan Mohd. Adi Sya'rani bin Roslan telah berjaya meraih pingat perak dalam acara Duilian pada Islamic Solidarity Games di Palembang tahun ini.

Sementara Dayang Faustina pula adalah pemenang pingat gangsa dalam acara Nanquan individu pada Sukan SEA Ke-26, 2011 di Indonesia dan bagi acara Duilian berpasangan dengan Lee Ying Shi telah berjaya meraih pingat perak pada Sukan SEA Ke-26, Republik Indonesia 2011.

**b) Pencak Silat :**

Pg. Khairul Bahri bin Pg. Ali Umar adalah pemenang pingat gangsa pada 15th Word Pencak Silat Championship di Viet Nam 2012.

Sementara Norleyermah binti Haji Raya pula adalah pemenang pingat gangsa dalam acara Tunggal Wanita dan juga Regu Wanita pada Sukan SEA Ke-26, 2011. Beliau juga berjaya meraih pingat gangsa dalam acara Regu bersama dengan Nurul Aimi di 15th Viet Nam pada tahun 2012.

Regu Lelaki yang dianggotai oleh Abdul Malik bin Haji Ladi; Abdul Rahman bin Haji Asli dan Md. Juffly bin Haji Junaidi adalah pemenang pingat gangsa pada Sukan SEA Ke-26, 2011.

World Pencak Silat Championship, Farina Afida binti Pehin Datu Panglima Dato Paduka Haji Abdul Jalil adalah pemenang pingat perak pada 4th Asian Championship, Myanmar Jun 2013.

Ak. Mohammad Saiful Azri bin Pg. Iskandar Saiful Bahri juga pemenang pingat gangsa di 4th Asian Championship.

Bagi atlet dalam kategori Ganda Lelaki pula iaitu Muhamad Arif bin Ismadi dan Ahmad Salman bin Haji Abdullah pernah meraih pingat gangsa di 4th Asian Championship, Myanmar Jun 2013.

**c) Karatedo :**

Mohd Fadillah pemenang pingat gangsa dalam acara kumite individu dan pingat gangsa dalam kumite berpasukan bersama dengan Mohd Fida'iy, Jamil, Mainuddin pada Sukan SEA Ke-26, Indonesia, 2011.

Mohamad Jamil Hj Hamid pula pernah meraih pingat gangsa dalam acara Individual Karate +84kg di Sukan SEA Ke-26, 2011 Indonesia dan juga berpasukan.

Atlet tunggal wanita dalam sukan karatedo iaitu Dk Nurleha binti Pg. Abdul Rahman adalah pemenang pingat gangsa di Thailand Open September 2013.

**d) Taekwando :**

Mohd. Fathullah bin Mohd. Taib adalah pemenang pingat gangsa pada Phuket Taekwando Open 2013. Pada Sukan SEA Ke-26, 2011 beliau layak hingga ke suku akhir.

Nurulain binti Mohd. Jaafar pula pernah

meraih pingat gangsa di Korea Chuncheon International Open pada tahun 2011 dan di Kejohanan Malaysia University Championship pada tahun 2011, beliau telah memperolehi pingat emas.

**PB: Sejauh mana persiapan atlet negara bagi memberi saingan pada kejohanan itu nanti.**

**Ketua Kontinjen NBD:**

Bagi menghadapi Sukan SEA Ke-27, 2013 atlet negara telah pun menjalani latihan secara berterusan di bawah jurulatih Jabatan Belia dan Sukan. Latihan-latihan intensif bukan sahaja dilakukan dalam negeri malah juga diadakan di luar Negara.

Semasa latihan di luar negara para atlet berkesempatan untuk berlatih bersama-sama dengan atlet-atlet luar negara dan ini telah dapat membantu didalam mempertingkatkan lagi prestasi para atlet.

Dalam pada itu, jabatan telah mendatangkan *sparring partner* iaitu pemain profesional daripada Filipina bagi sukan *cue sport*. Dengan adanya kesempatan seumpama ini telah dapat mempertingkatkan tahap permainan atlet negara terutama dari segi *mindset*, *knowledge of the game play* dan diharapkan beliau akan dapat mempergunakan kelebihan ini semasa bertanding nanti.

Di samping itu, para atlet juga terlibat dalam menyertai kejohanan-kejohanan di luar negara, yang mana bertujuan untuk membiasakan diri mereka dengan suasana pertandingan. Pada masa yang sama juga kesempatan tersebut digunakan oleh jurulatih untuk mengetahui kelemahan atlet dan mencari kaedah untuk memperbaikinya sebelum mereka bertanding pada Sukan SEA nanti.

Sebagai persiapan akhir para atlet telah menjalani latihan pusat selama tiga bulan yang mana mereka menjalani latihan secara sepenuh masa dan diberikan kemudahan-kemudahan seperti makan minum dan juga penginapan. Pada latihan pusat ini para atlet diberikan latihan-latihan fizikal, kemahiran, teknik, taktik dan juga strategi-strategi yang akan membantu mereka semasa bertanding.

**PB: Apakah cabaran dan persaingan yang bakal dihadapi atlet negara pada persaingan Sukan SEA kali ini?**

**Ketua Kontinjen NBD:**

Antara cabaran yang bakal dihadapi oleh para atlet negara pada Sukan SEA kali ini adalah mengekalkan prestasi mereka ketika bertanding dengan atlet dari negara lain yang belum pernah mereka tentang/lawan sebelum ini. Kadang-kadang tanpa mengetahui siapa lawan kita sedikit sebanyak akan mempengaruhi tumpuan dan juga rasa gementar akan timbul yang mungkin sedikit sebanyak akan menjejaskan prestasi mereka nanti.

Pada masa yang sama juga atlet negara akan berhadapan dengan penonton- penonton tuan rumah dan ini mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kekuatan mental para alet terutama apabila atlet negara bertemu dengan atlet tuan rumah. Oleh hal yang demikian adalah diharapkan para atlet akan dapat mengatasi perkara ini dan sentiasa mengingati teknik yang perlu mereka amalkan apabila berdepan dengan suasana seperti ini, dan yang perlu ialah mereka harus mempunyai keyakinan diri dan tidak mudah terpengaruh dengan suasana yang boleh menjejaskan fokus mereka.

**PB: Apakah sasaran negara dalam penyertaan kali ini**

**Ketua Kontinjen NBD:**

Memang diakui setiap kali kita menyertai dalam mana-mana jua kejohanan kita setentunya mengharapkan atlet-atlet yang mewakili negara akan mampu untuk menyumbangkan pingat bagi negara begitu jugalah harapan kita pada penyertaan kali ini. Kita sangat-sangat berharap agar semua atlet yang telah terpilih mewakili negara pada kali ini akan dapat mengulangi atau memperbaiki pencapaian negara pada Sukan SEA Ke-26 di Republik Indonesia 2011.

Harapan ini adalah berdasarkan kepada pencapaian sebahagian para atlit yang begitu menyerlah semasa mereka menyertai kejohanan-kejohanan di peringkat serantau sebelum ini. Sepertimana jua penilaian yang dibuat sebelum ini kesepuluh sukan yang akan disertai oleh negara mempunyai potensi untuk meraih kejayaan, dan yang sudah pasti pada kali ini kita sasarkan target daripada sukan seperti Wushu, Silat, Karatedo. Ini adalah berdasarkan kepada pencapaian sukan-sukan berkenaan pada penyertaan Sukan SEA sebelum ini.

**PB: Selaku Ketua Kontinjen, apakah nasihat tuan kepada semua atlet**

**Ketua Kontinjen NBD:**

Nasihat saya kepada para atlet negara adalah agar mereka akan sentiasa bersemangat tinggi untuk bersaing dan berusaha sehabis mungkin untuk meraih kejayaan bagi negara. Adalah juga diharapkan agar para atlet akan sentiasa patuh kepada peraturan-peraturan semasa bertanding dan sentiasa mempamerkan semangat kesukanan yang tinggi.

Para atlet juga adalah diseru supaya akan dapat menjaga disiplin baik semasa berada digelanggang pertandingan maupun diluar pertandingan. Saya juga penuh berharap agar para atlet akan dapat menjaga imej negara.

Dan akhirnya satu perkara yang amat penting untuk diambil perhatian oleh para atlet dan juga pegawai ialah agar mereka akan sentiasa menjaga kesihatan dan mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak perubatan dari semasa ke semasa.

Saya berdoa agar segala jerih payah, usaha dan juga pengorbanan para atlet ini akan dapat membuah hasil yang membanggakan nanti.



## Kontinjen - 61 Atlet

**Acara:**

Bola Sepak  
Wushu  
Sepak Takraw  
Pencak Silat  
Lumba basikal  
Petanque  
Karate-do  
Olahraga  
Taekwando

## Pencapai kontinjen negara

**Tahun 2011, Palembang, Jakarta**

Emas - 0  
Perak - 4  
Gangsa - 7  
Jumlah : 11

**Tahun 2007, Korat, Thailand**

Emas - 1  
Perak - 1  
Gangsa - 8  
Jumlah : 10

**Tahun 2005, Filipina**

Emas - 1  
Perak - 2  
Gangsa - 2  
Jumlah : 5

**Tahun 2003, Hanoi, Viet Nam**

Emas - 1  
Perak - 1  
Gangsa - 8  
Jumlah : 10

**Tahun 2001, Kuala Lumpur, Malaysia**

Emas - 0  
Perak - 5  
Gangsa - 6  
Jumlah : 11

**Tahun 1999, Bandar Seri Begawan, Brunei**

Emas - 4  
Perak - 12  
Gangsa - 31  
Jumlah : 47

**ANTARA cabaran yang bakal dihadapi oleh para atlet negara pada Sukan SEA kali ini adalah mengekalkan prestasi mereka ketika bertanding dengan atlet dari negara lain yang belum pernah mereka tentang/lawan sebelum ini. Kadang-kadang tanpa mengetahui siapa lawan kita sedikit sebanyak akan mempengaruhi tumpuan dan juga rasa gementar akan timbul yang mungkin sedikit sebanyak akan menjejaskan prestasi mereka nanti.**

**Pada masa yang sama juga atlet negara akan berhadapan dengan penonton- penonton tuan rumah dan ini mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kekuatan mental para alet terutama apabila atlet negara bertemu dengan atlet tuan rumah.**

**Oleh hal yang demikian adalah diharapkan para atlet akan dapat mengatasi perkara ini dan sentiasa mengingati teknik yang perlu mereka amalkan apabila berdepan dengan suasana seperti ini, dan yang perlu ialah mereka harus mempunyai keyakinan diri dan tidak mudah terpengaruh dengan suasana yang boleh menjejaskan fokus mereka.**

# WTO bersedia jana perdagangan global



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, berkenan berangkat menghadiri Sesi Pembukaan Persidangan Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) Kali Ke-9.

**BALI, REPUBLIK INDONESIA,** Selasa, 2 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, berkenan berangkat menghadiri Sesi Pembukaan Persidangan Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) Kali Ke-9

berlangsung di Pusat Persidangan Nusa Dua Bali, Bali, Republik Indonesia, di sini.

Persidangan dirasmikan oleh Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono dan dipengerusikan oleh Menteri Perdagangan Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Gita Wirjawan.

Sesi pembukaan persidangan kali ini dimulakan dengan Ucapan

Perdana dari Presiden Republik Indonesia, TYT Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono yang antara lain menyentuh mengenai ekonomi dunia yang belum pulih dan kesannya kepada perdagangan dunia.

TYT penuh berharap persidangan tersebut akan dapat mencapai perjanjian bagi kebaikan WTO, ekonomi dan juga warga dunia.

TYT juga menyentuh mengenai perjanjian di Geneva iaitu perjanjian yang berusaha untuk membuahkan hasil pertama Agenda Pembangunan Doha (DDA).

Persidangan kali ini, jelas TYT memberikan peluang untuk menunjukkan kepada dunia bahawa WTO bersedia untuk menjana semula perdagangan global.

Sesi pembukaan persidangan turut dimuatkan dengan ucapan daripada Menteri Perdagangan Republik Indonesia, TYT Gita Wirjawan selaku Pengerusi Persidangan WTO Kali Ke-9; Naib Pengerusi, Menteri Perdagangan dan Industri, Rwanda, Francois Kanimba; Menteri Perdagangan dan Pelabuhan, United Kingdom, Lord Green dan Menteri Perdagangan Asing dan Pelancongan, Peru, Magali Silva Velarde-Alvarez.

Juga hadir, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Negara Brunei Darussalam ke Republik Indonesia, TYT Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Awang Haji Mahmud bin Haji Saidin dan Setiausaha Tetap,



DULI Yang Teramat Mulia berbual mesra bersama seorang pemimpin negara sahabat sejeurus berlangsungnya Sesi Pembukaan Persidangan Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim  
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said  
dari Bali, Republik Indonesia

Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan, Dato Paduka Lim Jock Hoi serta Pegawai-Pegawai Kanan dari Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Negara Brunei Darussalam.

Persidangan tersebut disertai oleh 159 Ahli-ahli WTO, para delegasi dari 25 Negara Pemerhati, Ahli-ahli dari pertubuhan antarabangsa termasuk Bank Dunia (World Bank), Tabung Kewangan Antarabangsa (International Monetary Fund) dan Kesatuan Telekomunikasi Antarabangsa (International Telecommunication Union).

Antara agenda persidangan termasuk merapatkan jurang antara negara kurang mampu, negara membangun dan negara yang maju.

Para pemimpin WTO melahirkan keyakinan kesemua negara anggota WTO akan bekerja keras bagi merealisasikan Pakej Bali ke arah menyelesaikan masalah perdagangan antarabangsa.

Pakej tersebut mengandungi perjanjian Pemudahcara Perdag-

angan, Pakej Pertanian dan Pembangunan di mana pakej berkenaan dilihat sebagai langkah perlu bagi menjana perdagangan, pertubuhan ekonomi dan pembangunan dunia.

Dalam pada itu, badan yang membuat keputusan yang paling tinggi dalam WTO ialah Persidangan Menteri, yang diadakan setiap dua tahun. Persidangan berkenaan akan mengambil keputusan terhadap semua perkara dalam mana-mana perjanjian perdagangan pelbagai hala.

Persidangan Menteri WTO Kali Ke-9 diadakan di Pusat Persidangan Bali, Nusa Dua, bermula hari ini hingga 6 Disember 2013.

Persidangan Menteri WTO pertama diadakan pada 9 hingga 13 Disember 1996 di Republik Singapura.

Negara Brunei Darussalam menjadi ahli kepada WTO pada 1 Januari 1995 serentak dengan penubuhan rasmi pertubuhan berkenaan.



PRESIDEN Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Dr. H. Susilo Bambang Yudhoyono merasmikan Persidangan Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) Kali Ke-9 berlangsung di Pusat Persidangan Nusa Dua Bali, Bali, Republik Indonesia.

## Berangkat ke Jamuan Santap Malam

**BALI, REPUBLIK INDONESIA,** Selasa, 3 Disember. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Jamuan Santap Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Indonesia, Dr. R. M. Marty M. Natalegawa.

Jamuan diadakan di The Westin Resort Nusa Dua Bali, Republik Indonesia, di sini.

Duli Yang Teramat Mulia berada di Bali, Republik Indonesia, bagi menghadiri Persidangan Menteri Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) Kali Ke-9, yang diadakan selama empat hari bermula hari ini hingga 6 Disember 2013 di Pusat Persidangan Nusa Dua Bali.

Persidangan Menteri WTO ini membuat keputusan paling tinggi dalam WTO dan ianya diadakan setiap dua tahun dengan mengumpulkan semua ahli-ahli pertubuhan tersebut dan menyatukan semua negara-negara kesatuan kastam yang membolehkannya mengambil keputusan terhadap semua perkara-perkara dalam mana-mana perjanjian perdagangan pelbagai hala.

WTO merupakan sebuah pertubuhan yang ditubuhkan untuk menggalakkan perdagangan antarabangsa dengan menetapkan peraturan perdagangan antarabangsa, melaksanakan perjanjian perdagangan dan memastikan negara ahlinya memegang kepada perjanjian yang dimeterai.

Negara Brunei Darussalam menjadi ahli WTO pada 1 Januari 1995 serentak dengan penubuhan pertubuhan berkenaan.



DYTM Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkihah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan berkenan berangkat menghadiri Jamuan Santap Malam yang diberikan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Republik Indonesia, Dr. R. M. Marty M. Natalegawa.

### URUSTADBIR DINAMIK KE ARAH KESEJAHTERAAN NEGARA

دتریتکن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منتری دان دچیتق اوله جباتن فرچیتقن کراجان، نگارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.